

ASSIMILASI DAN INTEGRASI KOMUNITI BABA MELAKA
TERHADAP MASYARAKAT CINA BUKAN BABA

Melalui rumusan ini penulis mengambil peluang menyampaikan
sila-sila berikut kepada dan pengkaryaan kepada:-

- Puan Hajah Kadir, Pengerusi Jabatan Antropologi/
Sosiologi Universiti Malaya.
- Dr. Ismail, bekas Pengerusi Jabatan Antropologi/
Sosiologi Universiti Malaya.
- Dr. Shamsul Azri, Pengerusi Universiti
Kebangsaan Malaysia.

Tang pernah menjadi penyerta dan memberi tunjuk ajar
yang membina dalam latihan ilmiah ini.

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

OLEH
NO. MATRIK 24457

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
DECEMBER 1976.

PENGHARGAAN

Melalui ruangan ini penulis mengambil peluang mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada:-

- Puan Azizah Kasim, Pensyarah Jabatan Antropologi/
Sosiologi Universiti Malaya.
- Dr Rabeendran, bekas Pensyarah Jabatan Antropologi/
Sosiologi Universiti Malaya.
- Sdr Shamsul Amri Baharudin, Pensyarah Universiti
Kebangsaan Malaysia.
Yang pernah menjadi penyelia dan memberi tunjuk ajar
yang membena dalam menyiapkan Latihan Ilmiah ini.
- Semua responden yang telah memberikan kerjasa
dalam menyiapkan kajian luar penulis.
- Kakak yang telah bertungkus lumus membentuk dan
menyiapkan penulisan Latihan Ilmiah ini.

Universiti Malaya
1976

Penulis
24457

KANDUNGAN

	Muka surat
Penghargaan	ii
Kandungan	iii
Senarai jadual dan peta	v
BAB I PENDAHULUAN	1
1.1.1 Tujuan kajian.....	1
1.2 Tempat kajian dan waktu kajian.....	2
1.3 Kaedah kajian.....	3
1.4 Kesulitan kajian.....	5
1.4.1 Kesulitan masa.....	5
1.4.2 Kesulitan berkenaan dengan responden.....	5
1.4.3 Kesulitan untuk mendapatkan keterangan dari pehak kerajaan.....	7
1.4.4 Kesulitan berkaitan dengan kaedah kajian.....	7
1.5 Bidang kajian dan pembatasan.....	8
BAB II RANGKA KONSEP	44
2.1 Konsep Integrasi.....	11
2.1.1 Faktor-faktor yang mengujudkan Integrasi.....	15
2.1.2 Faktor-faktor yang mempengaruhi Integrasi.....	17
2.2 Konsep Assimilasi.....	18
2.2.1 Ciri-ciri yang mempengaruhi Assimilasi.....	21
2.2.2 Jenis-jenis Assimilasi.....	22
2.3 Kumpulan Marginal.....	24
2.3.1 Ciri-ciri yang memunculkan Marginaliti.....	27
2.3.2 Kumpulan Marginal di Malaysia.....	27

2.4	Konsep Melayu	29
2.5	Konsep Cina	30
2.6	Konsep Baba	30
BAB III	MASYARAKAT BABA MELAKA	32
3.1	Asal usul kaum - Bagaimana ia terbentuk	32
3.2	Ekonomi Baba Melaka	37
3.2.1	Kedudukan sosio-ekonomi	37
3.2.2	Sikap terhadap pekerjaan	39
3.2.3	Perubahan corak pekerjaan.....	40
3.2.4	Kedudukan keuangan dan pemilikan barang-barang mewah	42
3.2.5	Pelajaran	44
BAB IV	KEBUDAYAAN KEBENDAAN	47
4.1	Pakaian	47
4.2	Makanan	50
4.3	Keadaan dalam rumah	53
BAB V	KEBUDAYAAN BUKAN KEBENDAAN	55
5.1	Bahasa	55
a)	Bahasa asal dan bahasa Baba	55
b)	Bagaimana bahasa Melayu diterima	56
c)	Bahasa Tionghua dikalangan komuniti Baba Melaka..	58
d)	Bahasa Inggeris	59
5.2	Susunan keluarga	60
5.3	Kepercayaan dan hari-hari perayaan penting	61
a)	Kepercayaan	61
i.	Ajaran Confucious	62

ii. Ajaran Tao	62
iii. Ajaran Budha	63
b) Hari-hari perayaan penting	63
i. Tahun Baru	64
ii. Malam Sembahyang Takung	66
iii. Chap Goh Meh	66
iv. Istiadat Cheng Ming	66
v. Pesta Perahu Naga	67
vi. Upacara Sembahyang Hantu	67
vii. Perayaan Pesta Bukit	68
viii. Peristiwa Tang Chiak	68
ix. Perayaan Busy Gasy	69
c) Sikap komuniti Baba Melaka terhadap kepercayaan dan agama	69
5.4 Adat Istiadat komuniti Baba Melaka	70
a) Pertunangan	70
b) Perkahwinan	71
c) Berceraai	73
d) Pengambilan anak angkat	74
e) Kematian	74
BAB VI KESIMPULAN	76

SENARAI JADUAL

JADUAL

Muka surat


1. Jumlah bilangan penduduk Cina diMelaka	35
2. Pembahagian kelas keatas jenis pekerjaan	38
3. Kelas sosial Komuniti Baba	39
4. Kedudukan keuangan	42
5. Pemilikan barang-barang mewah	43
6. Taraf pelajaran anak-anak	45
7. Cara masakan	51
8. Cara hidangan makanan	52
9. Bahasa yang digunakan dirumah	58
10. Bilangan ahli dalam keluarga	60
11. Ugama dikalangan komuniti Baba.....	61
12. Hubungan komuniti Baba dengan masyarakat luar	79

SENARAI PETA

PETA

Muka surat


1. Penempatan asal masyarakat Cina menurut dailek.
2. Peta menunjukkan kedudukan bandar Melaka.
3. Peta kawasan kajian.




PETA PENEMPATAN ASAL MASYARAKAT CINA MENURUT DAILEK

Sumber:

Mary F. Somers Heidhues, Southeast Asia's Chinese Minorities
Longman Australia Pty Limited, 1974.



PETA MENUNJUKKAN KEDUDUKAN BANDAR MELAKA



PETA KAWASAN KAJIAN

Kawasan yang dikaji ialah dikawasan XII dan XV

Sumber: Jabatan Ukur Negeri Melaka
Skala: 4 ranjai = 1 inci.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 TUJUAN KAJIAN.

Latihan ilmiah ini merupakan satu kajian mengenai masaalah integrasi dan assimilasi salah satu dari kumpulan marginal yang terdapat di Malaysia. Masyarakat yang dipilih ialah komuniti Baba Melaka iaitu kumpulan Cina yang mula-mula menetap di Malaysia. Masaalah ini merupakan satu dari masaalah yang penting dalam perkembangan masyarakat Malaysia dihari ini.

Sememangnya menjadi dasar politik negara untuk mencapai kehidupan yang harmoni di kalangan penduduknya yang berbilang kaum. Walaubagaimanapun kerjasama dari segi politik masih belum mencukupi, jadi assimilasi budaya adalah perlu untuk mencapai matlamat yang dikehendaki. Beberapa formula telah dirancang dari masa kesemasa seperti "Cultural Pluralism", "Kebudayaan Nasional" dan Rukun Negara bertujuan untuk menjadi asas kepada perpaduan nasional dan kestabilan politik.

1.2 TEMPAT DAN WAKTU KAJIAN.

Kejadian 13 Mei 1969 pula telah menyebabkan satu keburukan dalam pembangunan politik negara. Krisis ini bertanggungjawab bagi menggalakkan perubahan-perubahan yang radikal menolak sistem majmuk yang telah bermula sejak tahun 1957 lagi. Dari sinilah timbulnya kesedaran pemimpin-pemimpin politik untuk meluaskan proses assimilasi dari segi sosio-budaya.

Dalam menganalisa kumpulan Marginal Baba Melaka ini pengkaji akan mengkaji assimilasi dan integrasi komuniti ini dengan masyarakat Cina bukan Baba. Setakat manakah kebudayaan mereka dapat dipertahankan. Kearah manakah pula cenderungnya amalan-amalan budaya mereka samaada kearah budaya Melayu atau budaya Cina bukan Baba. Inilah merupakan tujuan utama kajian ini dijalankan.

Pada mulanya kawasan ini hanya didiami oleh golongan Baba sahaja. Untuk penjelasan ini pengkaji akan melihat dari beberapa dimensi iaitu dari cara hidup dan sosio-budaya komuniti ini sendiri dan masyarakat lain yang bergaul rapat dengannya khusus pada masyarakat Cina bukan Baba dan masyarakat Melayu.

Walaupun telah ada kajian yang dijalankan mengenai masalah assimilasi dan integrasi sebelumnya di peringkat nasional atau tempatan, namun bentuknya adalah berbeza iaitu di mana masyarakat Melayu merupakan masyarakat dominan sementara masyarakat yang satu lagi sebagai golongan minoriti. Semuga dengan kajian ini akan dapat meluaskan lagi bidang kajian mengenai masalah tersebut di antara kumpulan-kumpulan etnik di negara ini.

1.2 TEMPAT DAN WAKTU KAJIAN.

Kajian ini telah dijalankan di kawasan pertempatan asal Baba Melaka di persekitaran Jalan Tan Cheng Lock, Jalan Gelanggang, Jalan Hang Jebat dan Jalan Hang Lekiu. Kawasan ini berada berhampiran dengan pusat bandar Melaka. Ia merupakan kawasan yang sibuk sebab berhampiran dengan pejabat-pejabat kerajaan dan kawasan membeli-belah.

Kawasan penempatan ini banyak menerima kemudahan seperti balai polis, balai raya, bekalan letrik dan air. Untuk kemudahan beribadat terdapat sebuah rumah ibadat ugama Budha terletak berhampiran dengan Jalan Gelanggang. Bentuk rumah orang-orang Baba ini mudah dikenali sebab bentuknya yang hampir sama sejajar di kiri kanan jalan.

Pada mulanya kawasan ini hanya didiami oleh golongan Baba sahaja tetapi sekarang telah ramai keluarga Cina bukan Baba tinggal bersama. Ini menyebabkan perhubungan antara kedua kumpulan ini terjalin lebih rapat. Kajian ini dilakukan selama dua bulan bermula dari awal bulan Mach hingga akhir bulan April tahun 1976 iaitu semasa cuti panjang Universiti Malaya. Dalam masa ini pengkaji sentiasa berulang ke tempat kediaman mereka.

1.3 KAEDAH KAJIAN.

Dalam mengendalikan penulisan ini pengkaji telah menggunakan dua cara untuk mengumpulkan data, iaitu cara soal selidik-temuramah dan pemerhatian pengkaji sendiri.

Pengumpulan data cara yang pertama dilakukan melalui empat puluh tiga orang "sample" yang dipilih secara random dari penduduk kawasan yang dikaji. Kawasan yang dikaji dibahagi kepada empat bahagian menurut jalan. Dari jalan-jalan itu pengkaji telah memilih secara random dua puluh empat keluarga untuk mendapatkan keterangan. Kemudiannya dari dua puluh empat keluarga itu, dipilih empat puluh tiga orang untuk memenuhi soal selidik yang telah disediakan.

Soal selidik yang digunakan ini dilakukan dengan dua cara iaitu secara tertutup dan terbuka. Secara tertutup soalan-soalan yang dikemukakan disediakan oleh pengkaji terlebih dahulu di dalam borang "questionnaire". Ia bertujuan untuk mendapatkan data-data asas mengenai keluarga yang dikaji. Soalan bentuk terbuka pula dikemukakan untuk mendapatkan keterangan mengenai kebudayaan, kepercayaan dan kegiatan sosial sample. Soalan-soalan seperti ini dapat memberikan jawapan-jawapan berbentuk subjektif dari mereka.

1.4 KESULITAN KAJIAN.

Di samping soalan-soalan secara 'structural' terdapat juga soalan-soalan secara 'unstructural'. Pengkaji berbual-bual dengan mereka yang mahir tentang adat istiadat dan kepercayaan untuk mendapatkan keterangan yang lebih lanjut.

Pengumpulan data secara pemerhatian pengkaji juga penting. Pengkaji meninjau melalui pemerhatian sendiri atau 'first-hand observation' terhadap peristiwa-peristiwa serta tingkahlaku komuniti yang dikaji. Peristiwa-peristiwa ini dilihat secara berulang-ulang untuk memastikan bahawa ia adalah satu realiti sosial.

Selain dari kaedah 'fieldwork' seperti yang diterangkan di atas pengkaji juga menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan. Ia dilakukan untuk mendapatkan gambaran umum tentang masaalah yang hendak dikaji. Kaedah ini juga berfaedah untuk mengetahui cara, kesulitan dan kesilapan yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya. Dengan ini pengkaji dapat menentukan kaedah yang lebih baik dan

mengelakkan kesilapan-kesilapan itu berlaku sekali lagi. Pengkaji juga menggunakan cara ini untuk mendapatkan dan memahami konsep-konsep yang akan digunakan.

Dalam usaha untuk mendapatkan keterangan yang telah disebutkan tadi, pengkaji telah menggunakan segala bahan-bahan penulisan berkaitan dengannya yang terdapat di perpustakaan. Ini termasuklah buku-buku rujukan, jernal, majalah dan lain-lain artikel.

1.4 KESULITAN KAJIAN.

Semasa dan sebelum penulisan ini dijalankan pengkaji terpaksa menghadapi kesulitan-kesulitan dari segi masa, responden dan kaedah kajian. Mungkin kesulitan-kesulitan ini wujud pada peringkat awal kajian, namun sedikit sebanyak ia memberikan kesan pada penulisan ini.

1.4.1 Kesulitan masa.

Kesulitan ini merupakan masaalah yang agak besar. Ini adalah akibat kajian ini hanya dapat dijalankan dalam jangka masa yang pendek. Lantaran itu pengkaji tidak dapat melakukan kajian dengan lebih terperinci. Untuk mengatasinya pengkaji terpaksa menjalankan kajian yang agak intensif, menggunakan sepenuh masa untuk mendapatkan data-data dan keterangan yang diperlukan.

1.4.2 Kesulitan berkenaan dengan responden.

Kesulitan yang timbul ialah kesukaran untuk menemui mereka

yang hendak ditemuramah. Kebanyakan mereka adalah kakitangan kerajaan dan swasta. Untuk menemui mereka pengkaji terpaksa pergi di sebelah petang atau hari-hari kelepasan am. Kesukaran ini menyebabkan pengkaji terpaksa pergi berulang-ulang kali untuk mendapat keterangan dari seorang responden. Secara tidak langsung ia meningkatkan lagi masa kajian yang sememangnya sedia terhad, walaupun ia dapat diatasi dengan membuat 'appointment' terlebih dahulu.

Kesulitan juga timbul bila pengkaji berjumpa dengan responden sebab mereka tidak faham tujuan sebenar kajian ini dijalankan. Pada peringkat awalnya mereka enggan untuk memberikan keterangan. Ini disebabkan oleh kehidupan mereka atau sikap mereka yang tidak mesra dengan orang-orang dari luar komuniti mereka. Mereka kurang senang hati untuk memberikan butir-butir yang diperlukan terutama perkara-perkara yang bersangkutan dengan soal-soal kewangan keluarga. Mereka berpendapat perkara-perkara seperti ini tidak perlu diambil tahu oleh orang lain. Pengkaji terpaksa menggunakan temuramah berbentuk 'un-structural' untuk mendapatkan butir-butir tersebut secara tidak langsung.

Pengkaji terpaksa mengambil masa yang lama untuk menerangkan kepada mereka mengenai tujuan kajian ini. Untuk menjadikan kajian ini lebih lancar, pengkaji telah meminta pertolongan seorang rakan Baba untuk memperkenalkan diri pengkaji kepada responden-responden semasa kajian ini berjalan.

Untuk mengambil hati mereka pengkaji memberikan 'ang pau' pada mereka

yang berkenaan di samping memberikan sedikit buah-buahan untuk anak-anak mereka. Ini hanya untuk beberapa orang-orang tua Baba yang dapat memberikan keterangan-keterangan lanjut mengenai hal-hal adat istiadat dan kepercayaan mereka.

1.4.3 Kesulitan untuk mendapatkan keterangan dari pihak kerajaan.

Pengkaji sukar mendapat keterangan yang diperlukan dari pihak kerajaan. Pihak-pihak yang ditemui tidak dapat memberikan keterangan mengenai taburan penduduk dan bilangan sebenar komuniti Baba Melaka. Usaha-usaha telah dijalankan pada pegawai kebajikan orang-orang Cina Negeri Melaka, Majlis Perbandaran dan pejabat daerah Melaka Tengah. Walaubagaimanapun pengkaji telah mendapat bantuan dari Guru Besar Sekolah St. Francis Institution untuk mendapatkan butir-butir pelajaran anak-anak Baba di sekolah itu. Bantuan juga diperolehi dari Jabatan Ukur Negeri Melaka yang memberikan peta kawasan penempatan komuniti Baba yang dikaji.

Kurangnya keterangan dari pihak-pihak yang berkenaan menyebabkan pengkaji terpaksa bertumpu pada 'fieldwork' untuk menyiapkan latihan ilmiah ini.

1.4.4 Kesulitan berkaitan dengan kaedah kajian.

Di samping kesulitan-kesulitan yang disebutkan di atas, timbul juga kesulitan mengenai kaedah kajian yang digunakan. Penggunaan soal selidik memungkinkan data yang diperolehi hanya terhadap pada

soalan-soalan yang dikemukakan. Kebenaran jawapan yang diberikan juga diragukan. Kaedah temuramah 'unstructural' pula memberikan jawapan-jawapan yang meleret-leret hingga sukar untuk dibuat kesimpulan

Ketika menggunakan kaedah 'participant observation' juga ternyata mempunyai kelemahan-kelemahan tersendiri. Ia semata-mata bergantung pada pemerhatian yang dapat dilakukan pada masa itu. Jadi ia kurang berkesan untuk mendapatkan keterangan-keterangan mengenai perasaan dan perubahan-perubahan yang berlaku dari dulu dan juga masa yang akan datang. Sementara penyelidikan perpustakaan pula menyebabkan wujudnya penulisan yang dipengaruhi oleh tulisan-tulisan pengkaji-pengkaji yang lepas. Keterangan-keterangan yang diberikan mungkin ada yang tidak bersesuaian dengan kebenaran yang ada sekarang oleh perubahan masa dan sikap komuniti yang dikaji. Kaedah ini hanya boleh dijadikan panduan untuk beberapa aspek atau sebagai perbandingan sahaja.

Walaupun bagaimanapun dengan penggunaan kaedah-kaedah yang diterangkan tadi maka pengkaji dapat mengatasi kelemahan yang wujud bagi mendapatkan data-data yang sahih untuk mencapai matlamat 'empirical validity'.

1.5 Bidang kajian dan pembatasan.

Kajian ini meliputi semua aspek kehidupan komuniti Baba Melaka. Pengkaji sedar bahawa kajian ini mempunyai beberapa kekurangan memandangkan masa yang terhad dan penulisan ini hanya merupakan satu latihan ilmiah. Selain dari itu kajian ini hanya dilakukan pada tempat yang

terhad iaitu di pusat penempatan mereka di bandar Melaka. Untuk kajian yang benar-benar lengkap, pengkaji seharusnya mengkaji keseluruhan ahli dalam komuniti tersebut.

Terdapat kira-kira tiga ribu orang Baba Melaka tinggal bertaburan di beberapa kawasan di negeri Melaka. Kebanyakan dari mereka bertumpu di kawasan penempatan awal mereka di persekitaran Jalan Tan Cheng Lock, Jalan Gelanggang, Jalan Hang Jebat dan Hang Lekiu, Jalan Terenggera, Bukit Rambai, Batu Berendam dan Pokok Mangga.

Tumpuan kajian diberikan semata-mata di kawasan Bandar Melaka sebab sukar untuk mendapatkan taburan penempatan mereka yang sebenarnya. Di sini mereka lebih mudah ditemui tambahan pula kawasan ini merupakan penempatan awal mereka. Di kawasan kajian pengkaji telah mengkaji dua puluh empat dari keluarga Baba Melaka yang mengandungi 140 orang ahli keluarga. Mereka mempunyai cara hidup yang tersendiri. Mereka mengamalkan kebudayaan dan bertutur dalam bahasa Baba, iaitu campuran kebudayaan dan bahasa Melayu dan Cina. Kebanyakan mereka beragama Budha di samping pengaruh ajaran Confucius dan Tao. Kaum perempuan terutama golongan yang sudah lanjut umur memakai kebaya dan sarung batik yang melambangkan identiti mereka sebagai Baba.

Taraf hidup mereka agak sederhana dan tergolong dalam golongan pertengahan. Kebanyakan dari mereka bekerja sebagai kakitangan Kerajaan dan swasta di sekitar bandar Melaka.

Di antara faktor-faktor penting yang akan dibincangkan dalam kajian ini ialah:-

- Benarkah agama memainkan peranan penting dalam proses integrasi dan asimilasi komuniti Baba dengan masyarakat Cina bukan Baba.
- Setakat manakah asimilasi dan integrasi komuniti ini membolehkan mereka kehilangan identiti asalnya.
- Apakah unsur-unsur disintegrasi di kalangan komuniti Baba ini.

BAB II

RANGKA KONSEP

Didalam kajian ini beberapa konsep telah digunakan untuk memahami istilah-istilah ini dengan lebih mendalam, pengkaji akan cuba menjelaskan konsep-konsep seperti:

- i) Integrasi
- ii) Assimilasi
- iii) Kumpulan Marginal
- iv) Konsep Melayu
- v) China dan Baba.

2.1 KONSEP INTEGRASI

Integrasi merupakan satu dari fenomena sosial. Ia tercapai hasil dari interaksi dan ikatan sesama ahli-ahli kumpulan. Disamping itu interaksi sosial juga boleh menimbulkan konflik atau disintegrasi. Integrasi dapat digolongkan ke dalam dua kumpulan:

- a) Integrasi kukuh
- b) Integrasi longgar.

Kedua-dua kumpulan integrasi ini wujud dari perhubungan sosial yang harmoni di kalangan anggota-anggota satu masyarakat. Integrasi dan konflik terdapat di dalam semua kehidupan sosial dalam peringkat-peringkat:

- a) antara kumpulan dengan kumpulan;

b) antara kumpulan dengan individu;

c) antara individu dengan individu.

Ramai antara ahli-ahli sosiologi telah membincangkan persoalan integrasi ini secara umum. Mereka menekankan kepada bentuk masyarakat, jenis dan saiznya iaitu masyarakat kecil dan masyarakat besar, primitif dan masyarakat moden. Mereka juga memberikan ciri-ciri tertentu yang menentukan 'solidarity' dalam masyarakat itu.

Ferdinand Tonnies⁽¹⁾ (1855-1936) telah mengemukakan ideanya mengenai *gemeinschaft* dan *gesellschaft*. Menurut beliau perhubungan sosial itu adalah merupakan ciptaan semangat kemanusiaan yang terbahagi kepada dua jenis.

✓ a) 'Essential will' yang merupakan penggerak atau 'tendency' yang menggerakkan manusia untuk bergiat secara yang tidak disedari.

✓ b) 'Arbitrary will' pula merupakan bentuk yang disengajakan untuk menentukan aktiviti manusia bagi menentukan nasib masa depan masyarakat atau kumpulan individu tertentu.

Bagi Tonnies, *essential will* selalunya wujud di dalam masyarakat tani dan orang-orang biasa. Kumpulan ini dikenali sebagai *gemeinschaft*, dimana adanya perasaan simpati dan perasaan kekitaan diantara anggotanya. *Arbitrary will* pula wujud dikalangan ahli-ahli perniagaan.

(1) Timasheff: Sociological Theory, Its Nature and Growth, Random

House, New York 1967, M.S. 100.

pemerintah dan anggota masyarakat atasan. Ia merupakan kumpulan atau kesatuan yang ujud untuk mencapai suatu matlamat tertentu. Golongan kedua ini dikenali sebagai *gesellschaft*.

Pengertian yang jelas telah diberikan oleh Shermorhon, R.A. Beliau mendefinisikan integrasi sebagai 'a process whereby units or elements of a society are brought into an active and coordinate compliance with the on going activities and objectives of the dominant group in that society' ⁽²⁾. Beliau menekankan tentang penyer-
taan dan kerjasama diantara anggota masyarakat di dalam aktiviti dan matlamat kumpulan dominan di dalam masyarakat itu.

Michael Benton pula berpendapat ada enam jenis perhubungan bila anggota-anggota dari dua masyarakat yang berlainan latar belakangnya berinteraksi.

- i) 'Peripheral Contact', iaitu keadaan dimana berlakunya pertukaran diantara dua masyarakat itu. Walau bagaimana pun ia tidak membawa kepada apa-apa bentuk penyesuaian atau perubahan pada masyarakat yang terlibat.
- ii) 'Institutional Contact' - dimana ujudnya hubungan bila salah satu masyarakat mempunyai sistem politik yang berpusat. Biasanya golongan yang berkuasa ini akan menggunakan institusi-institusi sosial yang ada untuk

(2) Shermorhon, R.A. Comparative Ethne Relation, A Frame work of Theory and Research, Randem House, New York

mengawal pergerakan sebahagian besar anggota masyarakat yang lain.

- iii) 'Dominant Contact' - berlaku bila satu kumpulan atau masyarakat dapat menguasai kumpulan yang lain. Keadaan ini akan mengujudkan dua sistem iaitu sistem tempatan dan sistem nasional.
- iv) 'Paternalism Contact' pula wujud bila berlaku penaaalukan terhadap satu-satu kumpulan atau masyarakat oleh negara induk terutama dalam penentuan polisi dan keputusan penting.
- v) 'Pluralism Contact' - berlaku apabila kumpulan-kumpulan minoriti diberi hak untuk berpolitik yang sama. Walau bagaimana pun perbezaan ras atau ethnik itu tetap diperkukuhkan dari masa ke semasa. Walau pun ras tidak menunjukkan perbezaan peranan tetapi ia tetap menunjukkan variasi di dalam perlakuan yang dijengkekkan dalam banyak hal.
- vi) 'Integration Contact' - menunjukkan keadaan-keadaan dimana an gets-anggota masyarakat yang berinteraksi sebanyak sedikit tidak memperdulikan perbezaan ethnik.

Durkheim⁽³⁾ menggunakan konsep 'Mechanical Solidarity' bagi

(3) E. Durkheim, De la division du travail, Rymond Aron (Ed) Main Currents in Sociological Thought 2, London, Pelican 1972 - M.S. 21 .

menghuraikan masyarakat kecil yang mana anggota-anggotanya mempunyai ciri-ciri asas yang sama serta perhubungan bersemuka (face to face). Konsep 'Organic Solidarity' pula digubakan untuk institusi atau kumpulan yang dihasilkan dari pembahagian kerja.

Sebagai kesimpulan dari teori-teori di atas dapat dikatakan bahawa integrasi akan wujud bila ada saling kerjasama antara anggota-anggota masyarakat dalam kegiatan kehidupan mereka sehari-hari. Bagi masyarakat yang majmuk pula kerjasama antara kumpulan-kumpulan etnik yang berbeza penting untuk mengujudkan integrasi. Kerjasama ini berlaku melalui peluang-peluang perhubungan yang ada sama ada secara tidak langsung atau secara langsung untuk tujuan-tujuan tertentu. Semakin tinggi kadar kerjasama ini maka makin tinggi pula kadar integrasi dalam masyarakat tersebut.

2.1.1. FAKTOR-FAKTOR YANG MENGUJUDKAN INTEGRASI

Terdapat beberapa faktor yang boleh mengujudkan perpaduan dan integrasi di kalangan anggota-anggota masyarakat.

a) Persamaan nilai.

Dalam tiap-tiap masyarakat sama ada besar atau kecil, simple atau kompleks terdapat norma-norma yang mengikat anggota-anggotanya untuk mengatur peraturan-peraturan hidup dalam perlakuan mereka. Norma-norma ini meliputi kesemua aspek termasuk peraturan tentang pembahagian kerja dan peranan; perhubungan sosial; perkahwinan dan pembahagian harta pusaka.

Jika ada persamaan atau persetujuan di dalam pandangan hidup dan nilai-nilai maka terdapatlah 'consensus' dalam masyarakat itu.

'Consensus' adalah penting sebagai satu ukuran integrasi. Lebih kuat sesuatu norma itu dipegang maka akan lebih tinggi pula derajat

'consensus'-nya dan ini pula akan menguatkan lagi solidariti masyarakat tersebut.

b) Ethnocentrism.

Charles Wagley dan Mervin⁽⁴⁾ dalam buku 'Minorities in the New World' menghuraikan ethno-centrism sebagai keadaan dimana anggota-anggota dalam masyarakat atau kumpulan menganggap segala aspek dari masyarakatnya seperti agama, bahasa, adat istiadat dan lain-lain ciri fizikal adalah paling tinggi jika dibanding dengan masyarakat lain. Perasaan ini merupakan faktor yang kuat untuk menyatu-padukan dan menimbulkan perasaan kekitaan di dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Di dalam satu kumpulan, mereka akan sentiasa berusaha untuk meninggikan pengawalan sosial.

c) 'Normative Consistency'

Keadaan dimana berlakunya pengkalan dan penguatkuasaan norma-norma. Ia merupakan diantar faktor yang akan memperkuatkan lagi integrasi. Satu-satu kumpulan atau masyarakat itu akan lebih berpadu sekiranya norma-norma dalam masyarakat itu sentiasa mempunyai dasar yang tetap (constant). Sekiranya norma-norma sentiasa berubah, ini akan memungkinkan ahli-ahli kumpulan yang berkenaan salah faham serta mempunyai pandangan dan perlakuan yang bertentangan pada satu-satu perkara yang sama.

(4) Charles Wagley dan Mervin Harris - Minorities in the New World, Colombia, London (Ed) Colombia university Press. 1964.
m.s 258

d) Disiplin dalam masyarakat.

Disiplin juga merupakan faktor yang tidak kurang pentingnya bagi menghasilkan integrasi yang kukuh dan menyekat berlakunya perpecahan. Disiplin yang diasuh dalam diri seseorang itu akan meningkatkan lagi tanggungjawab dan moral terhadap kepentingan dan perpaduan masyarakatnya.

Dalam mengujudkan 'solidarity' dan kerjasama antara anggota-anggota dalam masyarakat, keempat-empat faktor tadi tidak berdiri sendiri, malah ianya saling berkaitan antara satu dengan lain.

2.1.2 FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI INTEGRASI

Selain dari faktor-faktor yang mengujudkan integrasi, terdapat juga faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi bentuk integrasi di dalam masyarakat.

a) Ukuran besar kecilnya kumpulan.

Bertambah kecilnya bilangan anggota dalam masyarakat menyebabkan bertambah mudahnya mereka bersatu padu dan bekerjasama dalam berbagai bidang. Consensus atau persamaan nilai pula akan dapat dicapai dengan lebih berkesan. Bilangan anggota yang kecil juga akan menimbulkan perhubungan yang lebih mudah diantara anggotanya. Ini dapat dilihat dari segi 'primary group' seperti keadaan keluarga dimana lebih tinggi perpaduannya berbanding dengan kumpulan yang lebih besar. Perhubungan sosial yang lebih longgar adalah perhubungan 'secondary' yang kerap terdapat dalam masyarakat yang lebih kompleks dan moden.

b) Persamaan dari segi cara hidup.

Ini termasuklah persamaan didalam aktiviti-aktiviti ekonomi, kepentingan dan kedudukan sosial. Apabila bertambah banyaknya persamaan dalam cara hidup maka masyarakat itu akan lebih tersusun khususnya dari segi 'mechanical solidarity'. Didalam masyarakat yang mempunyai organisasi-organisasi sosial yang baik, teratur dan cekap akan meninggi-kan lagi perpaduan antara anggota-anggotanya.

c) Mobiliti Fizikal.

Mobiliti ini meliputi mobiliti keseluruhan satu kumpulan dan juga mobiliti perseorangan. Manusia mempunyai kemungkinan untuk menimbulkan masalah, contohnya satu kumpulan yang baru berpindah ke tempat lain tidak akan diterima atau lambat diterima oleh masyarakat yang baru. Lebih cepat kumpulan baru itu dapat menyesuaikan diri mereka maka makin cepatlah integrasi ujud diantara anggota-anggota kumpulan itu. Disini jelas menunjukkan mobiliti dalam masyarakat tidak kurang pentingnya bagi mengujudkan perpaduan dan kerjasama.

Umumnya dapatlah dikatakan bahawa integrasi akan lebih berkesan sekiranya terdapat faktor-faktor yang diterangkan di atas. Cepat atau lambat integrasi itu berlaku bergantunglah kepada kadar faktor-faktor tadi.

2.2 ASSIMILASI

Sebenarnya asimilasi mempunyai hubungan yang rapat dengan integrasi. Ia merupakan satu lagi proses yang ujud akibat dari

perhubungan diantara dua atau lebih kumpulan ethnik yang berlainan latar belakangnya. Gejala-gejala asimilasi ini jelas kelihatan terutama dibidang kebudayaan ethnik itu sendiri.

Untuk memahami konsep ini dengan lebih mendalam, maka perlu dilihat beberapa pandangan dan definisi-definisi yang diberikan oleh sarjana-sarjana sosiologi mengenainya. Diantar mereka yang menyentuh tentang definisi asimilasi termasuklah George E Symson, Robert E. Park, E.W. Burgess, Robert Redfield dan R. Linton. Walau pun mereka memberikan pandangan konsep asimilasi dari segi dan cara yang berlainan namun jelas pada pokoknya ia bersekitar pada intisari yang hampir-hampir sama.

Robert E Park dan E.W. Burgess menekankan aspek-aspek perkongsian kenangan, sentimen dan sikap juga aspek pengalaman serta persejajaran diantara kelompok-kelompok tersebut. Dalam bukunya 'Race and Culture' Park menyatakan bahawa asimilasi 'is a process that goes on in society by which individuals spontaneously acquire one another's of behaviour. There is also a process by which individuals and groups of individuals are taken over and corporated into larger groups'.⁽⁵⁾

George E Symson⁽⁶⁾ didalam Encyclopedia of Social Sciences menyatakan bahawa asimilasi adalah proses dimana seseorang dari ethnik yang berlainan berinteraksi didalam kehidupan komuniti yang lebih

(5) Park, R.E. : Race and Culture The Free Press, New York, COLLIER, Mac Millan Limited, London 1950 - M.S. 204.

(6) David L. Sills: Encyclopedia of Social Sciences, Vol. 1, New York, 1970 - M.S. 483.

besar. Disini beliau lebih menekankan tentang perhubungan yang ujud antara dua golongan etnik dimana hidup dalam keadaan yang harmoni.

R. Redfield dan R. Linton pula menganggap asimilasi sama dengan akulturasi. Mereka menjelaskan bahwa akulturasi itu mengandung unsur-unsur atau fenomena yang merupakan akibat dari perkembangan kebudayaan yang berlainan dimana individu-individu terlibat mempunyai hubungan asas yang berlaku terus menerus. Proses saling menerima akan mengakibatkan perubahan budaya bagi kedua-dua kumpulan etnik tadi. Asimilasi sering berlaku apabila satu-satu kumpulan berpindah masuk ke dalam kumpulan yang lebih besar. Disini akan berlakunya proses penyerapan kepercayaan, kebudayaan dan bentuk perlakuan kedalam budaya kumpulan yang mengalami proses asimilasi. Proses ini mengakibatkan kehilangan identiti satu-satu kumpulan berbeza dari identiti asalnya. Pengertian ini telah disokong oleh pendapat Minako Kurokawa yang menyatakan "assimilation is the process by which group with diverse belief and behaviour pattern become absorbed into another culture. The end product of this process is the elimination of a group as a distinct cultural entity".⁽⁷⁾

Apa yang penting dalam proses asimilasi ini adalah penghapusan ciri-ciri "foreign origin" yang membolehkan anggota-anggota kumpulan menyesuaikan diri dengan mudah dalam satu struktur masyarakat yang typical. Dengan ini mereka dapat memainkan peranan yang sama di dalam kebudayaan yang baru.

(7) Minako Kurokawa: Minority Responses, Random House, New York.

2.2.1 CIRI-CIRI YANG MEMPENGARUHI ASSIMILASI

Dari definisi-definisi yang diberikan tadi dapat disimpulkan bahwa terdapat beberapa ciri yang mempermudah berlakunya asimilasi.

- a) Pertembungan dua atau lebih individu atau kumpulan yang berlainan latar belakang budayanya. Dalam hal begini bias nya pihak yang minoriti akan lebih banyak menyesuaikan diri menurut pihak majoriti.
- b) Perhubungan yang berlanjutan dalam satu kawasan masyarakat yang dimasuki akibat dari pertembungan tadi.
- c) Interaksi yang jujur antar dua pihak adalah bercorak hubungan asas. Dari situ akan mengujudkan perasaan kekitaan antara semua anggota tidak mengira etniknya.
- d) Ujudnya perasaan kesetiaan dan sedia berkorban untuk masyarakat yang dimasuki. Dengan ini mereka akan menerima dengan rela hati kebudayaan dan cara hidup masyarakat tadi sebagai kebudayaannya sendiri.

Sebagai rumusan secara keseluruhannya Gordon⁽⁸⁾ menyatakan bahwa asimilasi adalah merupakan perubahan satu bangsa kepada corak yang baru. Biasanya perubahan ini dilakukan oleh kumpulan yang lemah atau golongan yang lebih kecil.

(8) Milton Gordon, Assimilation in American Life, O.U.P. New York, 1964 - M.S. 64.

2.2.2. JENIS-JENIS ASSIMILASI

Pembahagian asimilasi boleh didasarkan kepada perubahan-perubahan yang berlaku didalam aspek budaya dan sisia ekonomi masyarakat yang terlibat. Pembahagian ini agak sukar untuk dilakukan sebab ia hanya merupakan 'a matter of degree'.

Secara ringkas pembahagian jenis-jenis asimilasi telah dilakukan oleh Walter P. Zenner. Beliau telah melihat dari aspek masa dan bagaimana asimilasi itu berlaku. Disini beliau telah membahagikan asimilasi kepada dua jenis:

- a) asimilasi radikal
- b) asimilasi gradual - beransur-ansur.

Kedua-dua jenis asimilasi ini berlaku bergantung kepada jenis dan bentuk masyarakat yang diassimilasikan.

Bagi asimilasi radikal sering berlaku pada masyarakat yang diikat oleh sistem-sistem kuat kuasanya formal. Apabila masyarakat ini diassimilasikan maka perubahan akan berlaku secara menyeluruh dalam masa yang singkat.

Jenis asimilasi yang kedua pula berlaku dalam masyarakat yang tidak terikat oleh sistem-sistem sosial yang kuat atau sistem kuat kuasa yang formal. Perubahan yang ujud akibat dari asimilasi ini berlaku secara perlahan-lahan memakan masa yang panjang. Kadang kala perubahan ini tidak secara menyeluruh.

Penjenisen asimilasi yang agak luas telah dibincangkan oleh Milton Gordon dalam bukunya Assimilation in American Life.

Penjelasan ini dibuat berdasarkan kepada aspek-aspek perubahan yang dicapai oleh asimilasi tersebut.⁽⁹⁾

a) Asimilasi kebudayaan atau perlakuan. Disini berlakunya perubahan pola-pola kebudayaan menurut corak budaya 'host society' meliputi asimilasi dari jenis kepercayaan dan nilai.

b) Asimilasi struktur - dimana terdapat kemasukan orang-orang atau kumpulan yang mendatang secara meluas ke dalam kumpulan, kelab atau institusi-institusi sosial masyarakat tuan rumah. Disini akan berlaku beberapa kemungkinan sama ada pihak pendatang atau pihak tuan rumah akan diassimilasikan.

c) Asimilasi identifikasi - jenis asimilasi ini berlaku dimana ujud perasaan kekitaan yang diasaskan kepada masyarakat tuan rumah. Anggota kumpulan minoriti tidak lagi mengenal diri mereka sebagai ahli kumpulan asalnya tetapi sebagai ahli masyarakat baru, dengan ini tidak ujud lagi perasaan prasangka dan diskriminasi di kalangan mereka.

d) Asimilasi perkahwinan - berlaku bila terdapat perkahwinan campuran yang luas antara kumpulan yang mendatang dengan masyarakat yang dimesuki. Keadaan ini berlaku oleh proses sosialisasi dan alam sekitar yang sama membolehkan timbulnya perasaan berbaik baik diantara mereka. Ini telah menjadi satu keadaan yang hangat di Malaysia sedikit masa yang lalu.

(9) Ibid - M.S. 64.

(10) Giot and Durkin - Interstitial group or any Social Group -

e) Assimilasi penerimaan sikap - ujud bila tiadanya prasangka terhadap orang-orang atau kumpulan yang bertembung dengan mereka.

f) Assimilasi penerimaan perlakuan - keadaan ini adalah lanjutan dari assimilasi penerimaan sikap iaitu bila tidak ada diskriminasi terhadap orang luar yang bertembung dengan mereka. Sikap ini akan mempermudah lagi kumpulan minoriti atau pendatang untuk menerima kebudayaan dan perlakuan masyarakat terbesar sebagai kebudayaan mereka sendiri.

g) Assimilasi sibik pula berlaku bila hilangnya konflik nilai dan perebutan kuasa diantara kedua pihak yang akan melahirkan pula satu sistem kebudayaan yang baru. Kebudayaan ini merupakan kebudayaan campuran antara kedua kumpulan yang terlibat oleh adanya sikap saling menerima dikalangan anggota-anggota kedua-dua kumpulan atau masyarakat tadi.

2.3 KUMPULAN MARGINAL

Apabila mereka yang berbeza latar belakang sosio budaya berkahwin, akan menghasilkan jenerasi yang akan mengalami situasi sosial yang berbeza hasil dari percampuran budaya ibu dan budaya bapanya. Menurut R.E. Park 1928 "The Marginal man is a product of human migration and cultural conflict". Seterusnya beliau menyarankan bahawa Marginal man adalah merupakan "cultural hybrid..... is one who lives in two worlds; in both of which is more or less of a stranger!"⁽¹⁰⁾

(10) Gist and Dworkin - Intermediar group or any Racial Group -

'Marginal Man' dan 'marginal group' ini akan menghasilkan corak hidup yang baru dimana mereka mengamalkan kedua-dua jenis kebudayaan dan tradisi yang sukar untuk dipisahkan.

Stonequist pula telah mengkaji konsep marginal khusus pada satu model. Beliau telah mengkhususkan terhadap ciri-ciri dan sifat marginal man. Mereka dikatakan mempunyai sikap 'double consciousness', 'ambivalent'; 'moody'; 'temperamental'; 'hypersensitives' dan 'hypercentical'. Ini adalah akibat dari fahaman dan pandangan kedua-dua budaya yang diamalkan. Jelasnya marginality adalah situasi dari pertentangan atau tidak sesuaian individu dan masyarakat. Umumnya "The marginal individual may evolve in one of three major directions: i) assimilation into the dominant group; or ii) assimilation into the subordinate group; iii) some form of accommodation between the two society". (11)

Kebudayaan marginal menerangkan satu situasi dimana individu berinteraksi dengan penduduk dominan yang asli dan mengassimilasikan diri mereka ke dalam kehidupan sosio budaya penduduk dominan tadi. Assimilasi ini meliputi pengetahuan, kesenian, moral, undang-undang dan lain-lain kebiasaan termasuk agama dan bahasa.

Kumpulan minoriti yang mendatang pula walau pun telah mengassimilasikan diri mereka kedalam tradisi-tradisi sosio kebudayaan

(11) Everett V. Stonequist: "The Marginal Man: A study in personality and culture conflict" dalam Ernest W. Burgess dan Donald J. Bogue Eds. Contribution to Urban Sociology:

yang dominan namun mereka tetap juga mengekalkan kepercayaan agama mereka yang asal. Pada takat ini mereka menunjukkan sifat-sifat marginal mereka pada kedua-dua masyarakat (masyarakat asal dan masyarakat dominan).

Marginal man juga telah diuraikan sebagai satu jenis personaliti yang timbul dalam satu tempat dan masa dimana tidak adanya konflik kebudayaan dan bangsa bagi mengujudkan masyarakat orang-orang dan kebudayaan yang baru. Ia dikatakan hasil dari proses akulturasasi dimana kumpulan yang berbeza mengamalkan satu kebudayaan yang umum. (12)

Secara umum marginal man ini merupakan percampuran darah seperti kumpulan Mulato di United State atau pun Eurasian di Asia. Hasil dari wujudnya marginal man ini menyebabkan timbulnya perasaan inginkan persamaan taraf mereka dengan kumpulan atau masyarakat yang dominan. Keadaan ini juga berlaku pada komuniti Baba Melaka yang akan diperbincangkan kelak. Untuk tujuan ini pula mereka mengujudkan sekurang-kurangnya tiga dimensi marginaliti:

- a) Kebudayaan Marginal
- b) Sosial Marginaliti - dimana individu mengambil bahagian penuh didalam kumpulan dan institusi
- b) Politik marginaliti.

Marginaliti sosial dimana individu menolak dari mengambil bahagian sepenuhnya didalam kumpulan dan institusi kebudayaan dominan

(12) Robert Ezra Park - Race and culture, New York. The Free Press of Glencoe 1954 - M.S. 456-457.

serta memandang ringan, sterotype atau diskriminasi oleh pihak bumi-putra. Sementara marginaliti politik pula dimana diskriminasi dan prejudis dikenakan bukan sahaja oleh kumpulan tekanan yang tidak formal malah oleh undang-undang menghalang kumpulan minoriti dari mengambil bahagian sebagai warganegara yang penuh dalam masyarakat.

2.3.1 CIRI-CIRI YANG MEMUNGKINKAN MARGINALITI

- a) Terdapat kebudayaan (termasuk ras) yang berbeza dikelengen kumpulan yang terlibat.
- b) Individu yang berada didalam situasi marginal cuba untuk mengidentitikan diri kepada kumpulan dominan dan juga kumpulan asalnya.
- c) Individu berjuang untuk meninggalkan kumpulan marginal kepada kumpulan dominan.
- d) Apabila haluan seseorang itu disekat oleh sebarang halangan-halangan sosial. (13)

2.3.2 KUMPULAN MARGINAL DI MALAYSIA

Bagi kumpulan marginal di Malaysia didefinisikan sebagai mana-mana kumpulan bukan Melayu. Mereka membawa berbagai-bagai tingkat

(13) Gist and Dworkin - Opsit - M.S. 11

assimilasi dari sosio budaya ke dalam kebudayaan Melayu, disamping mengokalkan tradisi ethnoracial terutama segi kepercayaan dan ke-ugamaan. Kumpulan-kumpulan seperti ini telah lama wujud dan terbiar. Dua kategori mengenai kumpulan marginal timbul bila konsep dan sifatnya didefinisikan dalam bentuk 'Malay-non Malay continuum'.

Kumpulan marginal dikalangan orang-orang Melayu pada asalnya merujuk pada kaum-kaum pendatang bangsa Jawa dan orang-orang pulau dari kepulauan Indonesia. Kumpulan-kumpulan ini kekal sebagai marginal hanya untuk tempoh yang sekejap sahaja kerana mereka mudah mengassimilasikan diri mereka dalam masyarakat Melayu yang berdasarkan pada agama Islam. Proses asimilasi ini dipermudahkan oleh fakta-fakta seugama dan sama-sama berasal dari dunia Melayu. Hanya masalah ethno linguistik sahaja yang memisahkan mereka dengan orang Melayu buat sementara. Walau bagaimana pun kumpulan-kumpulan ini mempunyai kaitan kecil sahaja disegi politik. Contoh lain kumpulan marginal yang beragama Islam di Malaysia ialah mereka dari keturunan Arab dan keturunan India.

Walaupun kumpulan ini bukan dari kebudayaan Melayu Polonesia, namun persamaan agama telah mempermudah proses asimilasi mereka. Biasanya mereka akan dikenali dan diiktiraf sebagai orang Melayu selepas tiga jenerasi.

Kumpulan-kumpulan bangsa campuran juga terdapat bertaburan dimerata tempat di Malaysia seperti kumpulan Melayu Thai. Mereka diassimilasikan dengan masyarakat Melayu tetapi setengah-setengahnya tetap dengan agama Budha.

2.4 KONSEP MELAYU

Masyarakat Melayu merupakan satu golongan dominan dari satu golongan bumiputera di Malaysia. Dalam perkara 160 Perlembagaan Persekutuan, konsep 'Melayu' telah ditafsirkan sebagai seseorang yang mengonuti agama Islam, lazimnya bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu.

- a) Lahir sebelum Hari Merdeka, di Persekutuan atau di Singapura atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura atau pada hari Merdeka, ia adalah berdomicil di Persekutuan atau di Singapura; atau
- b) Ia adalah keturunan seorang yang tersebut. ⁽¹⁴⁾

Dari tafsiran diatas jelas menunjukkan pentingnya agama dan domicil bagi mereka-mereka mengamalkan bahasa dan kebudayaan Melayu untuk diiktiraf sebagai 'Melayu'. Jadi tidak hairanlah begitu mudah setengah-setengah golongan diiktiraf sebagai bangsa Melayu walau pun mereka bukan berasal dari kawasan dan kebudayaan Melayu Polonesia. Sebaliknya ada diantara golongan yang sudah begitu lama menetap dan mengamalkan bahasa serta kebudayaan Melayu masih tidak diiktiraf sebagai orang Melayu oleh perbezaan agama. Dengan kata lain mereka ini tidak mendapat sebarang hak yang diperuntukkan bagi orang-orang Melayu yang tertera didalam Perlembagaan Persekutuan iaitu seperti Perkara 89, 90 dan 153.

(14) Perlembagaan Persekutuan (Malaysia).

2.5 KONSEP CHINA

Freedman dalam bukunya The Chinese in South East Asia telah mendefinisikan orang-orang China sebagai 'mereka yang menggunakan nama China, bertutur dalam bahasa China, rakyat negara China, tinggal didalam keadaan yang hampir sama di South Eastern China, memakai pakaian China, memakan makanan China ialah orang China'.⁽¹⁵⁾ Walau pun konsep ini tidak begitu sesuai bagi orang-orang China di Malaysia, namun mereka mempunyai ciri-ciri yang hampir sama. Perbezaan hanyalah dari segi kerakyatan dan tempat tinggal sahaja. Mereka adalah rakyat Malaysia dan tinggal dimana-mana negeri di Malaysia.

2.6 KONSEP BABA

Menurut Tilman R.O. Man, state and society "The babas spoke a dialect of Malay, their prayer, folklore and literature were put into this dialect, their music, food, costume, and manners were all heirs to the Malay tradition. But the Baba were Chinese ...".⁽¹⁶⁾ John R. Clammer pula dalam karangannya Overseas Chinese Assimilation and Resinification⁽¹⁷⁾ menyatakan definasi bagi masyarakat Baba sukar untuk diterangkan. Ini bergantung kepada sikap sama ada

(15) Maurice Fredman "The Chinese in South East Asia - A Longer View" dalam Tilman R.O. - Man, State and Society in contemporary South East Asia. Praeger Publishers, New York 1969 - M.S. 27 - 28.

(16) Tilman R.O. - Man, State and Society in contemporary South East Asia. Praeger Publishers, New York 1969 - M.S. 436.

(17) John R. Glammer - "Overseas Chinese Assimilation and Resinification, A Malaysian Case Study", dalam South East Asian Journal of Social Science, Singapore, Vol. 3, No. 2, 1975 - M.S. 9.

ingin terus hidup dalam "coorporate group" atau memasuki sektor masyarakat China bukan Baba. Sikap-sikap ini memungkinkan konsep Baba terus wujud atau identiti ini akan terhapus.

3.1 ASAL USUL KAIN - BAHASA IA TERSEBUT

Dari definasi diatas dapatlah diberikan beberapa ciri-ciri asas mengenai masyarakat Baba. Diantaranya ialah mempunyai nama China, menggunakan bahasa 'Melayu' di rumah dan diluar rumah serta mengamalkan sebahagian dari kebudayaan Melayu. Mereka dilahirkan dinegeri-negeri Selat atau keluarga mereka menetap di negeri-negeri Selat dalam masa yang lama. Dari segi fizikalnya mereka kurang mempunyai iras-iras Mongoloid. Kulit mereka juga kelihatan hitam sedikit berbanding dari orang-orang China bukan Baba.

Menurut Tilson R.O.⁽¹⁸⁾, kira-kira 5000 orang Melayu tiga juta penduduk China di Malaysia terdiri dari Baba Melayu. Maurice Freedman⁽¹⁹⁾ pula mengemukakan pada akhir tahun ke sembilan belas terdapat 10% Baba di Negeri-Negeri Selat dan beberapa peratus di seluruh-tengah Negeri Melayu. Walau bagaimanapun bilangan ini tidak boleh digunakan lagi buat masa ini memandangkan pertambahan bilangan penduduk Melayu China bukan Baba⁽²⁰⁾ di Malaysia. Masih pun bilangan orang-orang Baba bertumbuh tetapi peratusnya tentu berkurangan dari Melayu.

istilah Baba Peranakan⁽²¹⁾ wujud dari percampuran darah orang-orang China dan orang-orang tempatan. Keadaan ini sama sah dengan seperti orang-orang

(18) Tilson R.O. - Op.cit - M.S. 501

(19) Maurice Freedman - Op.cit - M.S. 437

(20) Penghaji menggunakan istilah China bukan Baba bagi orang-orang China biasa di Malaysia.

(21) Baba Peranakan juga merupakan nama yang sering digunakan bagi komuniti Baba Melayu.

BAB III

MASYARAKAT BABA MELAKA

3.1 ASAL USUL KAUM - BAGAIMANA IA TERBENTUK

Baba Melaka merupakan kumpulan atau kumpulan China yang terawal menetap di Malaysia. Sukar untuk ditentukan bilangan sebenar komuniti ini sebab tidak ada kajian yang khusus dijalankan mengenainya. Dalam pertemuan pengkaji dengan salah seorang Pegawai Kebajikan orang-orang China Negeri Melaka, beliau menyatakan tiada sebarang kajian statistik yang khusus telah dibuat sebab mereka dikira sama dengan orang-orang China bukan Baba.

Menurut Tilman R.O.⁽¹⁸⁾, kira-kira 5% dari jumlah tiga juta penduduk China di Malaysia terdiri dari Baba Melaka. Maurice Freedman⁽¹⁹⁾ pula menyatakan pada akhir kurun ke sembilan belas terdapat 10% Baba di Negeri-Negeri Selat dan beberapa peratus di setengah-setengah Negeri Melayu. Walau bagaimanapun bilangan ini tidak boleh digunakan lagi buat masa ini memandangkan pertama bahan pesat penduduk-penduduk China bukan Baba⁽²⁰⁾ di Malaysia. Meski pun bilangan orang-orang Baba bertambah tetapi peratusnya tentu berkurang dari asalnya.

Istilah Baba Peranakan⁽²¹⁾ ujud dari percampuran darah orang-orang China dan orang-orang tempatan. Keadaan ini samalah dengan seperti orang-orang

(18) Tilman R.O. - Opcit - M.S. 591

(19) Maurice Freedman - Op.cit - M.S. 437

(20) Pengkaji menggunakan istilah China bukan Baba bagi orang-orang China biasa di Malaysia.

(21) Baba Peranakan juga merupakan nama yang sering digunakan bagi komuniti Baba Melaka.

peranakan India dan peranakan Arab. Namun demikian ada sebab-sebab lain menurut orang-orang Baba mengenai asal usul nama peranakan ini. Menurut pendapat seorang tua Baba Melaka yang ditemui, istilah 'peranakan' ini bermakna diperanakan atau dilahirkan didalam pekan. Pada masa itu pekan-pekan atau bandar hanya diduduki oleh komuniti ini dan golongan pentadbir penjajah.

Untuk memperbincangkan kedudukan Baba Melaka ini terpaksa disentuh sedikit tentang latar belakang pertumbuhan masyarakat China di Malaysia. Menurut professor Hsu Yun Tsio, orang-orang China sudah mula melawat Tanah Melayu sejak kurun masehi pertama. Kebanyakan mereka mula bermastautin disini didalam zaman pemerintahan Dinasti Tang⁽²²⁾. Ini terbukti sebab kebanyakan orang-orang China sering memanggil diri mereka sebagai 'Tang Jen' atau orang-orang Tang⁽²³⁾.

Dalam pemerintahan Dinasti Sung (960-1278 masehi), telah mula berkembangnya perkapalan dan perniagaan di pantai selatan Negeri China⁽²⁴⁾. Perkembangan ini diteruskan oleh Kerajaan Mongol (1279-1368 masehi) dan Kerajaan Ming (1368-1644 masehi). Semasa pemerintahan Dinasti Ming, telah terdapat kapal-kapal dihantar ke Asia Tenggara seperti yang diketuai oleh Laksamana Cheng Ho pada 1405-1412. Sejak dari itu orang-orang China datang dari masa kesemasa terutama ke Melaka.⁽²⁵⁾

(22) Chew Hock Thye 'Baba Melaka' dalam Mastika - April 1971 - Utusan Melayu (M) Berhad - M.S. 6.

(23) Ibid - M.S. 7

(24) Wang Gang Wu - A Short History of Nanyang Chinese - Singapore, Eastern Universities Press, Ltd. 1959 - M.S. 2.

(25) Purcell Victor - The Chinese in Malaya, Eastern Universities Press Ltd. 1967 - M.S. 16.

Kebanyakan mereka datang dari pantai selatan Negeri China seperti Amoy, Macao, Chiang Lin, Chiang Chew iaitu dari daerah Kwang Tung, Fu Kien dan Kwangsi. (26)

Banyaknya karya-karya tentang Asia Tenggara telah dihasilkan selepas pelayaran Laksamana Cheng Ho pada awal kurun lima belas iaitu pada permulaan Dinasti Ming. Diantara mereka ada yang menekankan bahawa orang-orang China sudah ujud di Melaka pada awal kurun ke lima belas. Penempatan awal mereka adalah Melaka, Pulau Pinang dan Singapura. (27)

Pendatang-pendatang China ini berkahwin dengan perempuan-perempuan tempatan sebab kurangnya perempuan China pada masa itu. Kebanyakan mereka ini adalah terdiri dari hamba-hamba keturunan Bali dan Batak yang bukan Islam. (28) Keadaan ini mungkin benar sebab jika tidak masakan orang-orang Baba Melaka tidak diislamkan dan diassimilasikan terus ke dalam semua espek kehidupan masyarakat Melayu.

Kebanyakan dari orang-orang Baba Melaka tidak dapat memberikan jawapan yang tepat tentang kedatangan awal nenek moyang mereka. Menurut mereka pada mula-mulanya anak-anak lelaki yang dewasa dihantar belajar dinegeri asal (China). Ini merupakan diantara sebab mereka masih tetap mengamalkan amalan dan ugama asal mereka.

(26) Ibid - M.S. 1

(27) Maurice Freedman - Op.cit - M.S. 346

(28) Ibid - M.S. 436

Perkampungan asal komuniti Baba Melaka ialah dikampung Belanda, dimana dulunya dikenali sebagai Huren Street. Anak yang dilahirkan dipanggil peranakan, peranakan lelaki dipanggil Baba sementara perempuan dipanggil Nyonya.

Jumlah penduduk China di Melaka menghadapi pasang surut didalam zaman pemerintahan Portugis, Belanda dan Inggeris.

JADUAL I - JUMLAH BILANGAN PENDUDUK CHINA DI MELAKA

TAHUN	BILANGAN
1641	1,000
1750	2,161
1760	1,390
1817	1,006
1827	5,006
1834	4,143
1855	10,608
1871	13,482
1891	18,161
1911	36,094
1931	65,302
1957	120,690

Sumber - James D. Clarkson - The Cultural ecology of a chinese village -

(29) Cameron Highland Malaysia 1968.

Pasang surut ini mungkin akibat dari bentuk pemerintahan penjajah-penjajah yang terlibat. Pada tahun 1750, bilangan penduduk China di Melaka ialah 2,161 tetapi pada 1760 bilangannya turun kepada 1,390 orang. Keadaan ini mungkin semasa pemerintahan Belanda tidak memandang berat terhadap masyarakat China, jadi mereka

meninggalkan Melaka pergi ke Pulau Pinang dan Singapura sejajar dengan perkembangan bandar-bandar tersebut 1786-1819. (29)

Kebanyakan pedagang-pedagang dari negeri China dalam zaman Dinasti Tang, Sung dan Yuan tidak tinggal menetap di Melaka, antara sebabnya ialah mereka sering memandang rendah terhadap orang-orang tempatan khasnya orang-orang Melayu yang dianggap belum bertamadun. (30) Perasaan ethnocentrism mereka terlalu kuat hingga tidak mahu menyamakan diri dengan orang-orang Melayu. Tempat tinggal mereka bukan dikampung-kampung tetapi dibandar-bandar atau pekan. Disini mereka hidup bercampur dengan orang-orang bukan Melayu seperti Portugis, Belanda dan Inggeris. Gejala-gejala ini jelas kelihatan dikalangan Baba Melaka sendiri. Walau pun mereka sudah sekian lama diassiminasikan kedalam masyarakat Melayu namun mereka masih lagi mempertahankan tradisi-tradisi kechinaan mereka. (31)

Komuniti Baba Melaka ini akhirnya mula berpindah ke kampung-kampung Melayu sebab kekurangan tempat di bandar. Mereka yang tinggal di kampung secara kasarnya dapat mengamalkan kebudayaan Melayu lebih banyak jika dibandingkan dengan mereka yang tinggal dibandar atau perkampungan asal mereka. Sungguh pun demikian dari amalan-amalan mereka masih lagi menunjukkan unsur-unsur kechinaan mereka. Maurice Freedman dalam 'The Chinese in South East Asia - A Longer View', (32) menyatakan 'walau pun mereka menggunakan bahasa Melayu, sembahyang, bercerita dan lain-lain perkara dalam bahasa Melayu namun mereka masih lagi China'.

(29) Purcell Victor - Op.cit - M.S. 36.

(30) Chew Hock Thye - Op.cit - M.S. 8.

(31) Ibid - M.S. 7.

(32) Maurice Freedman - Op.cit - M.S. 436.

Perhubungan mereka dengan komuniti Baba diperkampungan asal tidak putus. Mereka saling ziarah menziarahi satu dengan lain terutama pada hari-hari perayaan penting atau semasa mereka mengadakan jamuan kenduri kendara. Secara keseluruhannya orang-orang China di Malaysia pada hari ini boleh dibahagikan kepada dua golongan besar iaitu pendatang-pendatang awal dan pendatang kemudian. Pendatang awal sebelum kurun ke dua puluh boleh dianggap sebagai orang-orang Baba sementara golongan kedua selepas kurun kedua puluh dianggap sebagai orang-orang China moden.

3.2 EKONOMI KOMUNITI BABA MELAKA

3.2.1. KEDUDUKAN SOSIO EKONOMI

Masyarakat Baba Melaka ini tidak mempunyai kelas sosio ekonomi yang jelas, bagi pengkaji pembahagian hanya dapat dibuat berpanduan kepada kedudukan ekonomi dan jenis pekerjaan. Berdasarkan kepada jenis pekerjaan pula, pengkaji cenderung kepada cara yang telah digunakan oleh Riaz Hassan (33) dimana beliau telah mengelaskan pekerjaan-pekerjaan kepada lima kelas.

Riaz Hassan - Some aspects of occupational and class structure in West Malaysia - dalam South East Asian Journal of Social Sciences, Vol. 1, No. 1, 1973, muka surat 29.

(33) Riaz Hassan - 'Some aspects of occupational and class structure in West Malaysia' dalam South East Asian Journal of Social Sciences, Vol. 1 No. 1 1973 - M.S. 29.

JADUAL 2 - PEMBAHAGIAN KELAS KEATAS JENIS PEKERJAAN

Rank Order of Principal Occupation	Mean Year of Education	Occupation - Education Class (social class)
Professional, Technical and Related Workers	10.5	CLASS I
Clerical and Related Workers	9.5	CLASS II
Administrative, Executive	8.2	
Sales Workers	5.7	CLASS III
Workers in Transport & Communication	5.7	CLASS IV
Craftsmen, Production process, Workers and Labourers	5.6	
Workers in Service, Sports and Relation	5.1	
Miners & Quarrymen	4.6	CLASS V
Agricultural, Fishery, Forestry & Related Workers	3.8	
All occupation	5.1	

Sumber - Riaz Hassan - some aspects of occupational and class structure in

West Malaysia - dalam South East Asian Journal of Social Sciences

Vol. 1. No. 1, 1973, muka surat 29.

JADUAL 3 - KELAS SOSIAL MASYARAKAT BABA

KELAS SOSIAL	BILANGAN	PERATUS
I	7	16.3%
II	18	41.8%
III	4	9.3%
IV	14	32.8%
V	0	0
JUMLAH	43	100%

3.2.2 SIKAP TERHADAP PEKERJAAN

Hasil dari tinjauan pengkaji, didapati kebanyakan dari komuniti Baba Melaka ini berada dalam kelas pertengahan iaitu kelas II dan kelas IV. Dari segi ini masyarakat Baba lebih mirip kepada masyarakat Melayu iaitu mereka lebih berminat bekerja dengan sektor Kerajaan atau lebih terkenal dengan istilah 'makan gaji'. 41.8% dari mereka bekerja dibidang perkeranian, pentadbiran dan pegawai executive terutama di sektor Kerajaan. 32.8% dari mereka bekerja sebagai kerja-kerja perhubungan, pengangkutan, kerja-kerja pengeluaran dan buruh am.

Tidak ada langsung diantara mereka yang dikaji bekerja sebagai pelombong, peladang, nelayan dan pembalak, mungkin pekerjaan ini sukar diperolehi ditempat kediaman mereka. Dalam kerja nelayan pula, walau pun tempat tinggal mereka berhampiran dengan laut, tetapi kerja-kerja ini tidak mendapat minat dikalangan mereka.

Mengenai kerja-kerja professional dan teknikal, meski pun peratusnya kecil iaitu 16.3% namun ia telah mula mendapat sambutan dan menjadi cita-cita mereka terutama dikalangan kanak-kanak dan penuntut. Ini mungkin akibat dari pergaulan mereka yang rapat dengan masyarakat China bukan Baba yang lebih cenderung terhadap pekerjaan-pekerjaan ini.

Hanya 9.3% saja dari mereka yang dikaji bekerja sebagai peniaga kecil dan juru jual. Mereka boleh dikatakan kurang berminat dalam lapangan ini. Dalam temuramah pengkaji dengan orang-orang komuniti Baba menyatakan mereka tidak mempunyai bakat berniaga secara besar-besaran seperti masyarakat China bukan Baba. Sikap mereka juga kurang memberi sokongan terhadap mereka yang cuba-cuba berniaga.

Bagi orang-orang Baba memang sudah tertanam semangat untuk bekerja dengan Kerajaan sejak zaman penjajah dulu. Mereka merasakan dengan ini membolehkan kedudukan mereka terjamin. Pada mulanya kedudukan orang-orang Baba sangat berpengaruh dan berada, terutama pada awal kurun kedua puluh⁽³⁴⁾ tetapi sekarang keadaan ini telah berubah. Semenjak pergerakan nasionalisma China sebelum merdeka khususnya lepas perang dunia kedua mereka telah menyamakan diri dengan kaum China kerana mereka sedar tentang kelemahan dan bahaya-bahaya jika mereka hidup sebagai satu gulungan kaum China yang tersendiri dalam pentadbiran negara yang mempunyai semangat kebangsaan masing-masing.

3.2.3 PERUBAHAN CORAK PEKERJAAN

Sejak mula kedatangan komuniti Baba, mereka merupakan pedagang dan peniaga.⁽³⁵⁾ Kerja-kerja ini dilanjutkan setelah berkahwin dengan wanita-

(34) Chew Hock Thye - Op.cit - M.S. 8.

(35) Tilman R.O. - Op.cit - M.S. 436.

wanita tempatan di negeri ini. Semasa zaman penjajah, komuniti ini mula mening-
galkan lapangan perniagaan dan perdagangan lalu menceburkan diri dalam lapangan
pentadbiran terutama semasa zaman penjajahan Inggeris. Mereka cuba mengubahkan
cara hidup mereka agar sejajar dengan kehidupan barat sambil memandang rendah
kehidupan masyarakat tempatan dan masyarakat China bukan Baba.

Sejak kurun kedua puluh walau pun ada setengah-setengah golongan Baba
yang masih mengekalkan kekayanannya, tetapi secara keseluruhan telah beransur-
ansur merosot dari segi kekuatan ekonomi. Kemudiannya telah menumpukan pula
kepada pentadbiran dan elit kepada masyarakat China di Malaya untuk menaruh
kepercayaan kaum China, mereka menanam semangat kechinaan dalam perjuangan mereka.
Ini telah dijelaskan oleh Tilman R.O. dalam Man and Society "By this time
one or two Baba intellectuals were already teaching themselves Chinese and trying
to bring out Chinese renaissance before the end of the last century ..."(36)

Dari segi corak pekerjaan, mereka telah mula menanam semangat bekerja
sendiri khususnya pada bidang-bidang profesional. Walau bagaimana pun pada
keseluruhannya kedudukan ekonomi orang-orang Baba agak jauh ketinggalan dari
masyarakat China bukan Baba dimana rata-rata mereka berada didalam kelas
pertengahan.

Sebagai kesimpulannya perubahan pekerjaan komuniti Baba adalah bergan-
tung kepada keadaan hidup dan juga keadaan sekitarnya disamping untuk menjaga
kepentingan diri komunitinya sendiri. Ini adalah merupakan satu daripada sifat-
sifat kumpulan Marginal.

(36) Ibid - M.S. 347.

3.2.4 KEDUDUKAN KEWANGAN DAN PEMILIKAN BARANG-BARANG MEWAH

Darjah pemilikan barang-barang mewah bagi komuniti Baba ini adalah berkait rapat dengan kedudukan kewangan mereka. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Jadual 4 dibawah.

JADUAL 4 - KEDUDUKAN KEWANGAN

PENDAPATAN	BILANGAN	PERATUS
DIBAWAH \$100.00	-	-
\$101 - \$250.00	16	37.3
\$251 - \$500.00	20	46.5
\$501.00 KEATAS	7	16.2
JUMLAH	43	100

Dari data diatas didapati pendapatan individu komuniti Baba adalah 46.5% mendapat \$251 - \$500 sebulan, 37.3% mendapat \$101 - \$250 sebulan sementara 16.2% dari mereka mendapat lebih dari \$500 sebulan. Tidak seorang pun dari mereka yang dikaji mendapat kurang dari \$100 sebulan. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa majoriti dari mereka berada dalam kelas pertengahan atau sederhana.

Berbeza dari masyarakat Melayu, mereka kebanyakan bergantung kepada kerja-kerja yang 'primary', tidak ada kerja-kerja sampingan kecuali dari harta-harta seperti ladang-ladang yang dimiliki diluar dari tempat kediaman mereka. Jika ditinjau dari segi kewangan keluarga pula, didapati agak lumayan memandangkan ramai diantara ahli keluarga yang bekerja. Ini adalah disebabkan mereka masih lagi mengamalkan keluarga besar, jadi masing-masing bertanggungjawab untuk membiayai perbelanjaan keluarga.

JADUAL 5 - PEMILIKAN BARANG-BARANG MEWAH

JENIS BARANG-BARANG MEWAH	BILANGAN KELUARGA	PERATUS
Kereta, Motorsikal, Basikal, Talivisyen, Peti Sejuk dan Radio	4	16.7
Kereta, Motorsikal, Peti Sejuk, Talivisyen dan Radio	2	8.3
Kereta, Talivisyen, Peti Sejuk, dan Radio	2	8.3
Motorsikal, Basikal, Talivisyen, Peti Sejuk dan Radio	6	25.0
Motorsikal, Talivisyen, Peti Sejuk dan Radio	2	8.3
Basikal, Talivisyen dan Radio	4	16.7
Basikal dan Radio	4	16.7
JUMLAH	24	100

Nemandangkan kebanyakan dari komuniti ini berpendapatan sederhana serta

kedudukan tempat tinggal mereka berhampiran dengan pusat bandar maka kebanyakan mereka mampu mempunyai atau memiliki barang-barang mewah seperti kereta, motor-sikal, peti sejuk, talivisyen dan radio. (37)

Kemungkinan untuk membeli barang-barang ini besar sebab mereka tinggal dalam keluarga besar seperti yang diterangkan.

(37) Lihat Jadual 5.

Dari data yang diperolehi sukar untuk menentukan dengan jelas perbezaan sosial antara keluarga mereka. Walau bagaimana pun pemilikan barang-barang mewah ini boleh juga dijadikan bahan-bahan atau sumber untuk menentukan kedudukan satu-satu keluarga dalam komunitinya.

Untuk membuat perbandingan dari bentuk rumah adalah agak mustahil kerana boleh dikatakan kesemua rumah-rumah mereka seragam iaitu 'rumah deret' kecuali diamati tentang ukiran-ukiran yang terdapat atau perhiasan yang digunakan diluar atau didalam rumah. Kebanyakan rumah-rumah mereka dicat dengan cat China yang tahan dan cantik.

Mengenai susunan didalam rumah mereka, kebanyakan keluarga Baba mirip kepada susunan atau cara-cara keluarga China. Terdapat tempat pemujaan diruang depan rumah, selain dari barang-barang perhiasan China tradisi seperti meja dan kerusi yang berukir-ukir, pinggan mangkuk tembikar dan almari yang sukar didapati pada masa ini. Perhiasan-perhiasan ini kadang kala terdapat juga dirumah orang-orang China bukan Baba walau pun bilangannya sangat kurang. Pemilikan barang seperti ini juga tergantung kepada kemampuan atau kedudukan satu-satu keluarga.

3.2.5 PELAJARAN

Taraf pelajaran bagi komuniti Baba berkait rapat dengan kedudukan kewangan, sama ada mampu untuk menghantar anak mereka untuk melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pelajaran tinggi atau tidak.

Dibawah ini dinyatakan jadual tingkat pelajaran anak-anak komuniti Baba berdasarkan pada persekolahan mereka.

JADUAL 6 - TARAF PELAJARAN ANAK-ANAK

JANTINA	SEK. RENDAH	SEK. MENENGAH	KOLEJ	UNIVERSITI	JUMLAH
LELAKI	9	12	5	2	28
PEREMPUAN	11	6	2		19
JUMLAH	20	18	7	2	47
PERATUS	42.5	38.2	14.9	4.3	100

Dari jadual diatas, taraf pelajaran bagi komuniti Baba Melaka ini adalah sederhana. Didapati 42.5% dari mereka sedang menuntut disekolah rendah. 38.2% sedang menuntut disekolah menengah, 14.9% sedang menuntut di maktab dan 4.3% pula sedang menuntut di universiti. Walau pun peratus kemasukan mereka ke maktab dan universiti adalah rendah, ini disebabkan kebanyakan mereka mula bekerja dengan sektor-sektor awam dan swasta setelah tamat sekolah menengah.

Secara kasarnya orang-orang Baba Melaka memberikan pelajaran dan pendidikan Inggeris kepada anak-anaknya. Pelajaran China dan Melayu tidak diambil berat. Keadaan ini telah bermula sejak zaman penjajahan Inggeris lagi.

Untuk masa ini keadaan telah mula berubah, walau pun mereka masih lagi menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah Inggeris, namun mereka juga di galakkan untuk mempelajari kursus-kursus professional dan tidak lagi semata-mata bergantung kepada jawatan-jawatan Kerajaan. Keadaan ini bermula bila Kerajaan mengutamakan golongan bumiputra khasnya orang-orang Melayu sedangkan sehingga itu orang-orang Baba masih lagi diiktifar sebagai orang China.

Disamping mengutamakan pelajaran Inggeris, mereka juga mengasuh anak-anak mereka supaya mempelajari bahasa dan tulisan Cina. Pelajaran ini biasanya diajar di kelas-kelas tambahan disebelah petang atau malam. Ibu bapa pula mengajar anak-anak mereka bahasa atau dialek mereka sendiri terutama bahasa Hokkien yang merupakan bahasa penting di bandar Melaka.

Selain dari pelajaran bahasa bagi didikan yang tidak formal, keluarga Baba juga mengajar dan mendidik anak-anak mereka tentang ugama dan kepercayaan mereka walau pun tidak secara yang begitu mendalam. Anak-anak perempuan pula diajar bagaimana untuk menguruskan rumah seperti memasak dan kerja-kerja lain yang sering dilakukan oleh orang-orang perempuan.

BAB IV

KEBUDAYAAN KEBENDAAN

Dalam kebudayaan kebendaan komuniti Baba Melaka juga terdapat unsur-unsur kebudayaan Melayu dan kebudayaan China bukan Baba. Dalam perbincangan ini akan diuraikan aspek-aspek pakaian, makanan dan susunan didalam rumah mereka.

4.1 PAKAIAN

Komuniti Baba Melaka mempunyai pakaian yang tersendiri khususnya bagi kaum wanita. Pakaian tradisi mereka ialah baju kebaya dan kain sarung batik. Kaum wanita Baba Melaka yang sudah lanjut umur memakai baju kebaya panjang dan sarung berwarna kelam atau usam. Rambut mereka pula disanggul seperti sanggul pengantin perempuan Melayu. Bagi wanita yang lebih muda memakai baju kebaya pendek dan sarung yang berwarna cerah. Rambut mereka juga bersanggul tetapi bentuknya lebih menarik dari sanggul perempuan yang lanjut umur tadi. Mereka memakai pakaian ini sama ada didalam dan diluar rumah.

Gadis-gadis Baba Melaka pula lebih suka memakai pakaian menurut fesyen seperti skirt, mini, maxi dan seluar. Kadang-kadang mereka memakai Cheong Sam seperti pakaian tradisi gadis-gadis Cina bukan Baba. Pakaian-pakaian begini lebih mudah dan selesa bagi mereka berbanding dengan baju kebaya dan sarung yang dipakai oleh kaum wanita dewasa. Bagi kanak-kanak perempuan pula biasanya memakai gown atau skirt. Ini tidak ada bezanya dengan pakaian kanak-kanak dari masyarakat bukan Baba yang lain.

Pakaian bagi kaum lelaki komuniti Baba tidak ada bezanya dari masyarakat lain. Mereka memakai seluar panjang dan kemeja walau pun mereka mempunyai pakaian tradisi seperti baju longgar dan seluar yang berkaki luas, ia jarang-

Jarang dipakai. Kaum lelaki muda pula memakai seluar panjang dan kemeja atau T shirt. Mereka juga memakai pakaian mengikut fesyen pakaian lelaki umumnya. Kanak-kanak lelaki biasanya memakai seluar pendek dan kemeja atau T shirt seperti juga kanak-kanak dari masyarakat lain.

Secara keseluruhannya pakaian wanita komuniti Baba terutama wanita dewasa dapat menunjukkan identiti mereka. Dari pakaian mereka kita dapat mengagak sama ada mereka dari golongan komuniti Baba atau bukan. Pakaian gadis dan kaum lelaki tidak dapat dibezakan dari masyarakat lain. Masing-masing sama-sama meminati dan mengikuti perkembangan fesyen pakaian moden. Jadi tidak terdapat sebarang pakaian yang khas bagi mereka sebagai satu identiti Baba Melaka.

Pakaian tradisi komuniti Baba yang lain hanya dipakai semasa hari Perkahwinan. Pengantin lelaki dan perempuan memakai pakaian pengantin tradisi Cina dan bersanggul yang diperbuat dari emas atau perak dan batu-batu perhiasan. Semasa dijalankan upacara duduk gantang pula kedua-dua pengantin lelaki dan perempuan memakai pakaian serba putih. Pak Chin Dak atau ketua istiadat pengantin lelaki memakai sarung, baju dan songkok seperti pakaian orang Melayu. Sementara pengiring-pengiring kaum wanita memakai baju kebaya dari sarung yang cantik dihiasi dengan keronsang dan barang-barang kemas yang lain. (38)

Semasa hari kematian pula, mayat dipakaikan dengan pakaian khas yang dianggap sebagai pakaian Dinasti Ming. Pakaian ini dipakaikan antara lima hingga tujuh lapis menurut ramai bilangan anak cucunya. Sekiranya bapa yang

(38) Leung Thung Ping - "When it took 12 days to get married" dalam Spectrum

meninggal, pakaian itu dipakaikan dari depan. Sementara ibu pula dipakaikan dari belakang. Pada hari pengkebumiannya ahli-ahli keluarga memakai pakaian yang diperbuat dari kaun karung. Saudara mara yang lain pula memakai pakaian serba hitam atau melekatkan kain hitam dilengan baju sebagai tanda berkabung.

Selain dari pakaian dan makanan terdapat beberapa alat-alat budaya yang digunakan oleh orang-orang komuniti Baba Melaka. Alatan-alatan ini digunakan untuk menjalankan beberapa adat istiadat mereka.

Semasa pertunangan dijalankan, pihak lelaki biasanya menghantar hantaran kepada pihak perempuan. Diantara barang-barang yang penting ialah cincin, wang kahwin, kaki babi, limau manis dan arak (biasanya brandi). Ada juga diantara mereka yang membawa kueh-kueh. Keadaan yang serupa juga disediakan oleh keluarga yang mengambil anak angkat. Ibu kanak-kanak tersebut diberikan kaki babi, arak dan wang yang diisi dalam sampul merah sebagai balasan.

Dihari perkahwinan semasa dijalankan upacara duduk gantang, pengantin duduk diatas gantang yang beralaskan nyiru. Dihadapannya diletakkan dacing dan cermin muka. Kayu pembaris dan gunting juga disediakan melambangkan seorang isteri yang baik. Satu dari alatan budaya masyarakat Melayu yang digunakan oleh komuniti Baba Melaka semasa hari perkahwinan ini ialah tempat sirih. Ia digunakan sebagai lambang untuk menentukan sama ada pengantin perempuan masih mempunyai dara atau tidak pada malam pertama. Sekiranya ia tidak mempunyai dara lagi, maka pengantin lelaki akan terbalikkan tempat sirih untuk pengetahuan orang-orang lain pada pagi esoknya. (39)

Beberapa alat-alatan penting juga diperlukan menurut adat mereka untuk

(39) Leung Thung Ping - Ibid - M.S. 1.

mengkebumikan mayat. Bila seorang ahli keluarga meninggal sama juga seperti orang-orang Cina bukan Baba mereka membeli peti mayat yang bersesuaian dengan kemampuan mereka. Dalam perjalanan kekubur, anak lelaki yang sulung membawa 'Tongwau' yang diperbuat dari buluh. Kertas-kertas perak ditaburkan disepanjang jalan diiringi oleh kumpulan pemain muzik tradisi mereka. Selepas tujuh hari ahli-ahli keluarga membakar rumah, pakaian dan wang yang diperbuat dari kertas. Ia bertujuan untuk kesenangan simati hidup didunia yang baru. Upacara seperti ini juga dilakukan pada tiap-tiap tahun iaitu dihari sembahyang hantu.

4.2 MAKANAN

Secara langsung makanan orang-orang Baba Melaka dapat dipecahkan kepada dua jenis iaitu makanan harian dan makanan tradisi. Makanan harian mereka banyak menurut cara masakan Melayu. Mereka gemarkan jenis-jenis masakan seperti asam pedas, sambal tumis, masak lemak dan masak pindang. Perbezaan yang jelas disegi makanan mereka dengan orang Melayu ialah mereka boleh memakan daging babi. Penerimaan cara masakan orang-orang Melayu juga terdapat dalam membuat kueh mueh seperti kueh koci, kueh lapis dan apam. Kadang kala pula setengah-setengah dari mereka lebih mahir hingga sering diupah oleh orang-orang Melayu jika memerlukan kueh yang banyak terutama semasa kenduri kendara.

Bagi komuniti Baba Melaka pengetahuan untuk membuat kueh dan masakan orang-orang Melayu dipelajari turun temurun. Setengah-setengahnya mempelajari dari jiran-jiran Melayu yang berhampiran. Secara keseluruhannya komuniti Baba Melaka ini memasak menurut kedua-dua cara Melayu dan Cina bukan Baba. Mereka juga gemarkan masakan cara Cina seperti bubur, sup dan mee.

JADUAL 10 -CARA MASAKAN

CARA MASAKAN	CINA	MELAYU	CAMPURAN	JUMLAH
BILANGAN KELUARGA	8	6	10	24
PERATUS	33.3	25	41.7	100

Dari jadual diatas didapati 33.3% dari keluarga komuniti yang dikaji memasak makanan menurut cara Cina. 25% dari keluarga menurut cara masakan Melayu sementara 41.7% pula menurut kedua-dua cara iaitu campuran cara masakan Melayu dan Cina.

Dalam menyediakan makanan formal seperti makanan dihari-hari perayaan penting mereka menyediakan makanan tradisi bagi orang-orang Cina seperti mee, kueh bakul, kueh 'i dan buah-buahan. Cara ini juga diamalkan oleh orang-orang Cina bukan Baba yang lain.

Mengenai hidangan makanan pula mereka lebih mirip kepada cara hidangan orang Melayu. Biasanya mereka menyediakan hidangan diatas meja dan kadang-kadang diatas tikar. Walau bagaimana pun mereka tidak meninggalkan unsur-unsur kecinaan mereka seperti menggunakan mangkok tembikar dan bekas-bekas yang sering digunakan oleh masyarakat Cina bukan Baba. Pinggan mangkuk tradisi yang berukir-ukir pula biasa digunakan pada hari-hari perayaan penting dan dihari-hari perkahwinan mereka.

JADUAL 11 - CARA HIDANGAN MAKANAN

CARA HIDANGAN	CINA	MELAYU	CAMPURAN MELAYU & CINA	JUMLAH
BILANGAN KELUARGA	6	8	10	24
PERATUS	25	33.3	41.7	100

Dari kajian yang dibuat didapati 25% dari keluarga Baba Melaka yang dikaji mengaku mereka menghidang makanan secara orang-orang Cina bukan Baba. 33.3% mengikut cara orang-rang Melayu sementara 41.7% pula menurut kedua-dua cara hidangan Cina dan Melayu. Menyentuh tentang cara makan pula kebanyakan dari mereka tidak menurut cara masyarakat Cina menggunakan sepit atau cara masyarakat Melayu menggunakan tangan. Mereka lebih suka mengikut cara barat menggunakan sudu dan garpu.

JADUAL 12 - CARA MAKAN

CARA MAKAN	MENGGUNAKAN TANGAN	SEKIT	SUDU DAN GARPU	JUMLAH
BILANGAN KELUARGA	6	4	14	24
PERATUS	25	16.7	68.3	100

Dari jadual diatas didapati 68.3% dari keluarga yang dikaji menggunakan sudu dan garpu ketika makan. 25% menggunakan tangan sementara hanya 16.7% sahaja dari keluarga yang dikaji makan menggunakan sepit seperti yang diamalkan oleh orang-orang Cina bukan Baba.

Secara keseluruhannya cara komuniti Baba Melaka memasak dan menghidang

makanan adalah secara campuran dari kedua-dua masyarakat Melayu dan Cina bukan Baba. Sementara cara mereka makan pula lebih mirip dengan cara dan adat orang-orang barat menggunakan sudu dan garpu. Ini adalah hasil dari percampuran yang luas mereka dengan ketiga-tiga masyarakat tersebut.

4.3 KEADAAN DALAM RUMAH

Biasanya pada tiap-tiap rumah komuniti Baba Melaka lengkap dengan alat-alat kerusi meja dan lain-lain barang-barang mewah yang perlu. Ini adalah disebabkan kebanyakan mereka mempunyai kedudukan ekonomi yang sederhana seperti yang telah diterangkan dalam Bab III. Dipintu depan dan diruang depan terdapat tempat penyembahan mereka. Selain dari itu rumah mereka juga dihiasi dengan barang-barang tradisi seperti kerusi, meja dan almari yang berukir-ukir.

Sepertimana orang-orang Cina bukan Baba juga sekiranya tetamu datang ia akan dijemput dan dilayan dengan baik. Biasanya tetamu dirusuh duduk diatas kerusi diruang tamu. Tidak seperti orang-orang Melayu, mereka tidak membuka kasut bila masuk kedalam rumah. Pada jenerasi tua ada setengahnya memakan sirih. Jadi bila tetamu datang mereka akan menghulurkan tempat sirih. Semasa kajian ini dijalankan keadaan ini tidak lagi berlaku. Biasanya mereka hanya menghidangkan minuman dan makanan ringan untuk menghormati tetamu. Bagi mereka-mereka yang merokok biasanya menghulurkan rokok kepada tetamu. Layanan yang serupa diberikan kepada tetamu-tetamu tidak kira dari mana-mana kumpulan etnik.

Pada hari-hari perayaan rumah mereka dihiasi dengan langsir-langsir yang baru. Pada masa ini biasanya mereka menggunakan perkakas-perkakas tradisi tadi seperti kerusi, meja dan pinggan mangkuk. Kadang kala mereka memasang lampu disekeliling rumah mereka. Pada hari tahun baru misalnya tetamu-tetamu adalah dipelawa dengan baik masuk kerumah mereka. Biasanya mereka dijamu dengan makanan

yang sederhana disamping minuman-minuman ringan dan keras. Keadaan ini sama sahaja dengan cara masyarakat Cina bukan Baba.

Dalam mengkaji kebudayaan Baba Melaka, penkaji akan melihat kepada dua bahagian iaitu:

- a. Kebudayaan bukan kebudayaan (non material)
- b. Kebudayaan kebudayaan (artifact).

3.1 KEBUDAYAAN BUKAN KEBUDAYAAN (NON MATERIAL)

Pengertian mengenai bidang ini meliputi aspek-aspek bahasa, adat, kebiasaan, kepercayaan, nilai-nilai, pertengahan, kebudayaan, seni, adat, pertengahan dan kebiasaan.

3.2 BAHASA

a. Bahasa asal dan bahasa.

Sejak pendatang-pendatang Cina tiba di Melaka pada beberapa tahun yang lampau, mereka menggunakan bahasa Tionghoa menurut loghat masing-masing. Mereka mempelajari bahasa Melayu untuk tujuan-tujuan perniagaan dan pertukaran dengan orang-orang tempatan. Setelah berhubung dengan percampuran-percampuran bahasa.

Komuniti Baba Melaka menggunakan bahasa 'Melayu' ⁽⁴⁰⁾ untuk pertukaran barisan didalam dan diluar rumah. Lazimnya pada peringkat awal, kebanyakan mereka dari golongan tua tidak tahu berbahasa Tionghoa. ⁽⁴¹⁾ Dalam pertukaran pengekaji dengan beberapa orang tua Baba mengatakan mereka tidak dapat bertukar dalam bahasa asal mereka dengan baik. Jadi mereka lebih suka berbahasa Melayu.

(40) Bahasa Melayu dinilai lebih sesuai jika dibandingkan sebagai Bahasa Baba. Lihat V. J. J. - 1987.

(41) Ibid - N. 2, 26.

BAB V

KEBUDAYAAN KOMUNITI BABA MELAKA

Dalam mengkaji kebudayaan Baba Melaka, pengkaji memecahkan kepada dua bahagian itu:

- a. Kebudayaan bukan kebendaan (non material)
- b. Kebudayaan kebendaan (Artifact).

5.1 KEBUDAYAAN BUKAN KEBENDAAN (NON MATERIAL)

Penghuraian mengenai bidang ini meliputi aspek-aspek bahasa, susunan keluarga, kepercayaan, adat istiadat pertunangan, perkahwinan, anak angkat, perceraian dan kematian.

5.2 BAHASA

- a. Bahasa asal dan bahasa Baba.

Sejak pendatang-pendatang Cina tiba di Melaka pada beberapa kurun yang lampau, mereka menggunakan bahasa Tionghua menurut loghat masing-masing. Mereka mempelajari bahasa Melayu untuk tujuan-tujuan perniagaan dan perhubungan dengan orang-orang tempatan terutama setelah berkahwin dengan perempuan-perempuan tempatan.

Komuniti Baba Melaka menggunakan bahasa 'Melayu'⁽⁴⁰⁾ untuk percakapan harian didalam dan diluar rumah. Lazimnya pada peringkat awal, kebanyakan mereka dari golongan tua tidak tahu berbahasa Tionghua.⁽⁴¹⁾ Dalam pertemuan pengkaji dengan beberapa orang tua Baba mengatakan mereka tidak dapat bertutur dalam bahasa asal mereka dengan baik. Jadi mereka lebih suka bercakap dalam

(40) Bahasa Melayu disini lebih sesuai jika dinyatakan sebagai Bahasa Baba.
Lihat V.Purcell - 1967.

(41) Ibid - M.S. 20.

bahasa Melayu. Keadaan yang berbeza berlaku kepada jenerasi muda komuniti Baba Melaka. Kebanyakan mereka boleh bertutur bahasa Melayu dengan baik disamping ramai yang mahir dalam bahasa Hokkien, Inggeris dan kadang-kadang bahasa Mandarin. Bahasa Hokkien merupakan bahasa Tionghua yang penting di Melaka untuk kemudahan membeli belah dan berniaga. Bahasa Hokkien juga merupakan bahasa utama bagi orang-orang Cina bukan Baba disana.

Kebanyakan ketua keluarga komuniti ini walau pun tidak pandai bertutur dalam bahasa Hokkien menggalakkan anak-anak mereka mempelajari bahasa tersebut (Hokkien dan Mandarin). Mereka berpendapat 'supaya senang' dan setengah-setengahnya mengatakan 'supaya mereka tidak lupa bahasa Cina'. Ini bermakna walau pun mereka kebanyakannya tidak pandai berbahasa Tionghua, namun masih memandang penting dan mustahaknya bahasa asal mereka. Biasanya mereka menghantar anak-anak mereka ke kelas-kelas persendirian pada masa-masa lapang.

b. Bagaimana Bahasa Melayu diterima.

Keadaan alam sekeliling dan hidup mereka dikalangan masyarakat Melayu telah memaksa komuniti Baba Melaka menggunakan bahasa Melayu untuk perhubungan yang lebih harmoni. Jangka masa yang begitu lama menyebabkan mereka dapat menguasai bahasa bahkan setengah-setengah adat istiadat masyarakat Melayu.

Bahasa Melayu yang digunakan oleh komuniti Baba Melaka mempunyai perbezaan sedikit dari bahasa Melayu yang digunakan umum. Bahasa yang digunakan sering bercampur dengan bahasa Hokkien seperti LU - GUA maanya awak-saya. V. Purcell lebih berminat memanggilnya sebagai 'Bahasa Baba'.⁽⁴²⁾ Kalau diamati dari sebutan satu-satu perkataannya jelas seolah-olah mereka mengujudkan satu

(42) Ibid - M.S.

loghat tersendiri dalam bahasa Melayu.⁽⁴³⁾ Penggunaan huruf vokal 'a' sering diganti dengan 'e' seperti 'gua' menjadi 'gue'. Penggunaan vokal 'u' pula digantikan dengan 'oo' seperti hutan menjadi 'hootan'.

Dalam melafazkan satu-satu ayat pula mereka meninggalkan beberapa perkataan dan penambahan. Ini menyebabkan ayat-ayat mereka menjadi pendek dan ringkas. Contohnya: Dia tidak ada dirumah menjadi 'ia tak rumah'. Selain dari itu istilah-istilah yang digunakan agak kasar seperti 'jantan' bagi lelaki, disamping nada dan rentak yang tersendiri bila menuturkan satu-satu ayat.

Diantara lain ciri-ciri bahasa Baba ialah mereka masih menggunakan banyak perkataan-perkataan Hokkien terutama istilah-istilah nama perkakas rumah⁽⁴⁴⁾ dan juga 'Kinship Terminology'.⁽⁴⁵⁾ Walau pun mereka tahu tentang kinship terminology dalam bahasa Melayu namun mereka lebih suka menggunakan istilah-istilah asal mereka.

Kebanyakan orang-orang dari komuniti Baba Melaka ini mempelajari bahasa Melayu sejak kecil-kecil lagi dari ibu bapa dan jiran-jiran mereka yang berhampiran. Orang-orang Baba terutama dari golongan tua jarang-jarang bercakap menggunakan bahasa selain dari bahasa Melayu didalam dan luar rumah. Ini menyebabkan proses pembelajaran bahasa Melayu dikalangan jenerasi-jenerasi mudanya agak berkesan. Tambahan pula mereka dapat mempelajari bahasa Malaysia secara formal disekolah-sekolah. Jadi tidak hairanlah jika mereka ini dapat menguasai bahasa Malaysia dengan baik.

(43) Loghat disini dimaksudkan sama seperti loghat Kelantan, Perak dan Kedah.

(44) Lihat lampiran I.

(45) Lihat lampiran II.

JADUAL 7 - BAHASA YANG DIGUNAKAN DIRUMAH

BAHASA	CINA	MELAYU	MELAYU & CINA	INGGERIS	MELAYU & INGGERIS	JUMLAH
BAHASA KEBANGSAAN	2	8	4	2	8	24
PERATUS	8.3	33.3	16.8	8.3	33.3	100

Menurut dari data yang diperolehi didapati 33.3% dari keluarga Baba yang dikaji menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa percakapan dirumah, 33.3% menggunakan bahasa campuran Melayu dan Inggeris, 16.8% menggunakan bahasa campuran Melayu dan Tionghua. 8.3% menggunakan bahasa Tionghua. Bahasa Tionghua disini termasuklah bahasa Hokkien dan Mandarin. 8.3% pula menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya dirumah. Didapati keluarga yang menggunakan bahasa Inggeris dirumah adalah berpendidikan Inggeris disamping beragama Keristian.

c. Bahasa Tionghua dikalangan komuniti Baba Melaka.

Meski pun pada awalnya kebanyakan orang-orang Baba tidak tahu berbahasa Tionghua namun dari data di atas nyata adalah beberapa keluarga yang menggunakan bahasa Tionghua sepenuhnya dirumah disamping sebilangan mereka-mereka menggunakan bahasa campuran Melayu dan Tionghua.

Bagi keluarga-keluarga yang menggunakan bahasa Tionghua sepenuhnya dirumah maka proses pembelajaran bahasa Melayu agak kurang baik sebab mereka hanya dapat mempelajarinya dari jiran-jiran sekeliling disamping disekolah.

Bahasa Tionghua terutama loghat Hokkien dan Mandarin sering diguna bila sahabat dan saudara dari masyarakat Cina bukan Baba datang berziarah. Bagi

setengah-setengah jenerasi muda pula mempelajari bahasa Tionghua semata-mata untuk mengelakkan cemuhan dan ejekan dari kawan-kawan Cina bukan Baba. Kadang-kadang terdapat setengah pemuda-pemudi Baba yang enggan mengaku mereka adalah orang-orang Baba. Jadi untuk setengah-setengah keadaan sukar juga untuk membezakan seseorang itu Baba atau Cina bukan Baba berdasarkan percakapannya, melainkan diamati dari beberapa aspek seperti mirip muka dan warna kulit yang agak gelap sedikit dari orang Cina biasa.

d. Bahasa Inggeris.

Bahasa Inggeris telah mendapat tempat dikalangan orang-orang Baba sejak zaman penjajahan Inggeris, iaitu sejak mulanya mereka menghantar anak-anak mereka bersekolah disekolah Inggeris. Semenjak dari itu orang-orang Baba sentiasa menyamakan diri mereka dengan kebudayaan bangsa barat khasnya Inggeris. (46) Dengan ini mereka mudah mendapat tempat di kalangan pentadbir penjajah.

Dewasa ini mereka sering menggunakan bahasa Inggeris dalam perbincangan yang resmi atau bercakap dengan orang-orang yang tidak dikenali. Bahasa Inggeris juga mendapat tempat dikalangan orang-orang Baba di pejabat-pejabat. Kadang kala perkataan-perkataan Inggeris dimasukkan dalam ayat bahasa Melayu semasa perbualan yang tidak resmi jika dianggap lebih sesuai dan mudah difahami.

Bagi jenerasi muda lebih berminat bertutur dengan bahasa Inggeris sesama mereka dan rakan-rakan Cina bukan Baba terutama bagi mereka yang kurang fasih bertutur dalam bahasa Tionghua. Walau bagaimana pun mereka jarang menggunakan bahasa Inggeris dirumah. Biasanya mereka menggunakan bahasa Melayu bila berbual

(46) Chew Hock Thye - 'Baba Melaka' dalam Mastika April 1971, Utusan Melayu

sesama keluarga terutama dengan ibu bapa mereka.

5.1.2 SUSUNAN KELUARGA

Susunan dan struktur keluarga komuniti Baba banyak persamaan dengan masyarakat Cina bukan Baba. Bapa merupakan ketua dalam keluarga untuk mengetuai perkara-perkara penting baik segi ugama dan kepercayaan atau dalam kegiatan-kegiatan sosial. Sekiranya ia meninggal dunia maka anak lelaki yang tertua pula akan mengambil alih tugasnya.

Seorang bapa bertanggungjawab untuk menyara keluarga disamping ibu pula menjaga rumah tangga. Umumnya keluarga komuniti Baba mengamalkan keluarga besar atau extended family. Lihat Jadual 9.

JADUAL 9 - BILANGAN AHLI DALAM KELUARGA

BIL AHLI	1 - 3	4 - 6	7 - 9	10 +	JUMLAH
BILANGAN KELUARGA	4	8	10	2	24
PERATUS	16.7	33.3	41.7	8.3	100

Dari jadual diatas didapati 41.7% dari keluarga Baba yang dikaji mempunyai ahli keluarga seramai 7 hingga 9 orang. 33.3% pula mempunyai seramai 4 hingga 6 orang. 16.7% keluarga mempunyai 1 hingga 3 orang sementara 8.3% dari keluarga tersebut mempunyai seramai lebih dari 10 orang ahli keluarga. Baba Melaka ini menyusun galurkan keturunan dari pihak bapa atau mengamalkan sistem patrilineal. Persamaan keturunan ditentukan oleh pangkal nama masing-masing seperti Tan, Gan, Ho. Mereka yang dari satu keturunan juga dipanggil satu suku atau 'seh'. Mereka tidak dibenarkan berkahwin antara satu dengan lain.

5.1.3 KEPERCAYAAN DAN HARI-HARI PERAYAAN PENTING

a. Kepercayaan

Komuniti Baba Melaka ini masih lagi mempercayai dan menyembah roh nenek moyang mereka. Mereka merupakan penganut ajaran-ajaran Confucius, Tao dan Budha. Ini disebabkan ketiga-tiga ajaran ini mempunyai ciri-ciri persamaan antara satu dengan lain.⁽⁴⁷⁾ Mereka sanggup mengeluarkan belanja yang besar untuk merayakan hari perayaan penting dan perkara-perkara yang bersangkutan dengan ugama.

Menurut V. Purcell⁽⁴⁸⁾, orang-orang Baba Melaka ini mempunyai cara sembahyang yang tersendiri dan berasingan dengan cara orang-orang Cina dinegeri Cina. Ugama dan kepercayaan mereka dibawa dari negeri Cina kemudian ditokok tambah atau dikurangkan dengan beberapa perkara. Mereka menganggap kepercayaan dan ugama mereka adalah suci dan halus.

JADUAL 8 - UGAMA DIKALANGAN KELUARGA BABA

UGAMA	BUDHA	KERISTIAN	JUMLAH
BILANGAN KELUARGA	18	6	24
PERATUS	75	25	100

Melalui pengaruh-pengaruh barat menyebabkan ada setengah-setengah dari komuniti Baba Melaka menganut ugama Keristian. Dari kajian yang dibuat oleh pengkaji didapati 25% dari keluarga Baba yang dikaji terdiri dari penganut

(47) Hughes - The people of Malaya. M.S. 62.

(48) Purcell V. - The Chinese in Malaya - New (Imprsn) K.Lumpur Oxford University Press 1967 - M.S. 119 - 120.

agama Keristian, sementara 75% dari keluarga yang dikaji terdiri dari penganut ajaran Confucius, Tao dan Budha. Tidak seorang pun dari mereka yang dikaji memeluk agama Islam.

Diantara lain kepercayaan yang diamalkan dari dulu ialah percaya pada kalendar untuk menentukan masa dan hari yang baik bagi melakukan perkara-perkara penting dalam hidup mereka.⁽⁴⁹⁾ Meski pun tiada diantara mereka yang menganut agama Hindu namun mereka percaya dan kepercayaan Hindu seperti percayaaan pada semangat dan bernazar di keramat-keramat. Ini adalah akibat dari pengaruh dari orang-orang Melayu yang setengah-setengahnya percaya pada kepercayaan-kepercayaan demikian.

i. Ajaran Confucius

Thema utama ajaran Confucius ialah pemeliharaan terhadap negara dan pemeliharaan terhadap keluarga (preservation of state and preservation of family). Secara keseluruhan ajaran Confucius ialah idea taat kepada kewajiban dan tanggungjawab seseorang menghormati ketua keluarga. Ketaatan ini mesti ditunjukkan dengan melayan ahli keluarga semasa hayatnya dan mengkebumikan setelah ia mati.

"Ancestor reverence" ialah merupakan aspek terpenting dalam sistem behaviour confucius. Kadang kala ia dikenali sebagai "ancestor worship". N.J. Ryan menjelaskannya sebagai "it is in fact more a kind to paying one's respect to the dead than to worshipping them as a Gods".⁽⁵⁰⁾

(49) Hughes - Opcit - M.S. 62 - 63.

(50) Ryan N.J. - The culture background of the people of Malaysia, Longman 1962 - M.S. 84.

(51) Ibid - M.S. 97.

Menurut ajaran Confucius, keluarga merupakan unit utama kepada Negara dimana Negara adalah terdiri dari keluarga-keluarga. Sebab itulah sikap individu terhadap Negara dan pemerintah adalah sama seperti sikap ahli keluarga kepada ketua keluarganya. (51)

ii. Ajaran Taoism

'Tao' itu sendiri bermakna jalan atau prinsip. Bagi Taoism tiadanya tuhan perseorangan. Ia merupakan atau memberikan rangka kepercayaan mengganti ugama-ugama sebelumnya yang mana kebanyakan perlakuan-perlakuan ugama yang terdahulu dimasukkan didalam Taoism. (52)

iii. Ajaran Budha

Bagi ajaran Budha, ia menyuruh pengikut-pengikutnya mencapai satu taraf hidup yang dipanggil Nirvana. Kehidupan Nirvana ini hanya boleh dicapai dengan meninggalkan segala perbuatan-perbuatan yang salah dan jahat. Menurutny setiap individu boleh memilih cara-caranya sendiri untuk mencapai taraf Nirvana tadi.

Bagi orang-orang komuniti Baba Melaka mengaku bahawa mereka adalah berugama Budha walau pun pada praktiknya mereka ini menggabungkan ajaran-ajaran Confucius, Taoism dan Budha. (53)

Boleh dikatakan kesemua rumah orang-orang Baba mempunyai tempat penyembahan yang diletakkan ditempat yang agak mulia bagi mereka.

(51) Ibid - M.S. 84.

(52) Ibid - M.S. 92.

(53) Ibid - M.S. 97.

Tempat-tempat penyembahan atau pemujaan ini berbeza-beza dari yang ringkas hingga yang besar. Ini bergantung kepada keupayaan dan kuatnya pegangan satu-satu keluarga terhadap ugama mereka.

Tempat penyembahan ini juga melambangkan tuhan yang dipunyai oleh ahli-ahli satu keluarga satu tuhan biasanya dipilih sebagai tuhan atau pelindung bagi satu-satu rumah. Tuhan ini digambarkan sama ada dengan gambar berwarna kayu atau ukiran tembikar yang diletakkan ditempat pemujaan tadi. (54)

Tuhan yang sering dipilih oleh orang-orang Baba ialah Toh Peh Kong yang merupakan Tuhan Kekayaan. (55)

b. Hari-hari perayaan penting

Orang-orang Baba Melaka seperti juga orang-orang Cina lainnya merayakan beberapa hari perayaan penting dalam satu-satu tahun. Perayaan-perayaan itu disambut dengan meriah dan gembira sejak dahulu lagi. Ia disambut oleh semua golongan kaya, miskin mau pun orang dewasa atau kanak-kanak. Walau bagaimana pun ada juga hari-hari perayaan penting ini tidak begitu menarik minat jenerasi muda jadi ia hanya dilakukan oleh golongan tua sahaja.

1. Perayaan Tahun Baru

Perayaan menyambut tahun baru ini merupakan perayaan yang paling penting dan meriah sekali disambut oleh semua lapisan orang-orang Baba. Ia bertujuan untuk merayakan sempena tahun baru bagi kalender Cina.

(54) Hughes - Op.cit - M.S. 61.

(55) V. Purcell nyatakan "Toh Peh Kong sering dipilih oleh orang-orang Hokkien". Lihat V. Purcell - The Chinese in South east Asia Oxford University press - London 1965 - M.S. 39.

Upacara ini bermula dari satu hingga lima belas haribulan pertama bagi satu-satu tahun. Dari tarikh yang pernah dikaji perayaan ini tidak pernah awal dari dua puluh satu haribulan Januari atau lewat dari sembilan belas haribulan Februari.

Pada hari kedua puluh empat, bulan terakhir pada satu-satu tahun "Tuhan dapur" (Hearth god) dijamu dengan makanan-makanan manis. Seorang lelaki dari keluarga menghadiri dalam jajuman ini, biasanya upacara itu dilakukan oleh ketua keluarga.⁽⁵⁶⁾ Pada hari terakhir bulan terakhir, semua ahli keluarga berkumpul dirumah. Kaum wanita sibuk dengan persiapan makanan untuk hari esoknya. Makanan yang penting bagi mereka ialah kueh baktul. Semasa membuat kueh ini mereka mesti berhati-hati, sebab sekiranya kueh ini rosak menandakan bala akan menimpa mereka. Ini merupakan pantang larang yang mereka percayai.

Majlis makan malam dimulakan setelah semua anggota keluarga hadir terutama mereka-mereka yang merantau atau tidak tinggal serumah, diketuai oleh ketua keluarga.

Upacara-upacara bertukar-tukar hadiah diantara anggota keluarga dilakukan pada hari pertama tahun baru. Pada hari ini semua anggota keluarga biasanya duduk didalam rumah. Pintu dan tingkap biasanya dibuka supaya pengaruh yang baik dapat masuk. Bagi penganut-penganut beragama Budha pula tidak ada makanan dari daging pada hari ini.

Pada hari kedua pula dimulakan dengan melawat kawan-kawan dan jiran-jiran. Masa ini mereka memberikan 'ang pau' iaitu sampul merah

(56) Ryan N.J. - Op.cit - M.S. 105.

yang berisi wang kepada kanak-kanak yang melawat. Kunjung-mengunjung ini biasanya berterusan hingga beberapa hari.

ii. Perayaan Malam Sembahyang Tikung

Diraikan pada hari kelapan bulan pertama tahun baru. Malam ini mengingatkan semula peristiwa berperangan di Provensi Hockien dimana orang-orang Cina telah terselamat kerana bersembunyi didalam kobun tebu.

iii. Chap Goh Meh

Perayaan ini dijalankan pada malam kelima belas bulan pertama kalender Cina. Ia menandakan tamatnya perayaan tahun baru. Disetengah-setengah tempat pada malam ini anak-anak gadis memakai pakaian yang paling digemari dibawah sinaran bulan penuh.

iv. Istiadat Ching Ming

Istiadat ini pula merupakan hari membiarahi kubur atau sembahyang kan roh nenek moyang . Ia dijalankan pada bulan April iaitu pada hari pertama bulan ketiga kalender Cina.

Pada hari ini disamping membersihkan kubur, mereka juga menjamu makanan dan minuman . Setelah sembahyang dan beberapa upacara ringkas dijalankan minuman(arak Cina)dicurahkan diatas tanah. Makanan dikumpul semula dan dibawa pulang untuk dihabiskan. Jamuan tadi hanya merupakan tujuan-tujuan simbolik sahaja.

Bunga atau kertas khas ditinggalkan diatas kubur melambangkan upacara Ching Ming ini telah dijalankan dengan baik oleh kaum keluarga yang berkenaan. (57)

v. Pesta Perahu Naga

Pesta ini dilakukan pada hari kelima bulan kelima kalender Cina iaitu dalam bulan Jun. Tiap-tiap keluarga Baba seperti juga orang-orang Cina akan merayakannya dengan mengadakan jamuan. Maksudnya ialah untuk mengingati seorang penyair dan pegawai yang cintakan tanah ayer Tiongkok bernama Chu Yuan. Beliau telah membunuh diri didalam sungai sebab difitnah oleh pembesar-pembesar yang dengki kepadanya.⁽⁵⁸⁾

Pada hari ini 'kueh chang' iaitu sejenis kueh seperti ketupat dibuang kedalam sungai kononnya untuk makanan ikan supaya tidak memakan mayat pembesar tadi. Pada masa sekarang pesta perahu naga tidak lagi dijalankan kecuali upacara kueh chang sahaja. Bagi orang-orang Baba Melaka pesta ini lebih dikenali dengan pesta makan kueh chang.

Meraka percaya pada bulan ini merupakan bulan nahas seperti juga bulan Safar menurut kepercayaan orang-orang Melayu.

vi. Senbahyang Hantu

Upacara turun temurun ini jatuknya pada lima belas haribulan tujuh kalender Cina. Biasanya ia dijalankan oleh penganut ajaran Tao dan Budha bertujuan untuk mengelakkan dan menjauhkan bala dari hantu dan syaitan. Dipercayai pada hari ini pintu neraka akan dibuka, jadi hantu-hantu akan keluar untuk mencari makanan dan pakaian.

(58) Ryan H.J - Op.Cit - m.s 108.

Penganut-penganut Budha dan Tao biasanya melawat kubur saudara mara dan sembahyang dirumah datok.⁽⁵⁹⁾ Disamping itu mereka juga menyediakan makanan dan membakar wang dan pakaian kertas untuk menjauhkan diri dari mala petaka dan seksaan. Biasanya upacara sembahyang dan persembahan dijalankan diluar rumah sebab takutkan hantu-hantu tadi masuk ke rumah. Ia dilakukan oleh anak lelaki yang tertua sekali. Anak perempuan tidak dibenarkan melakukan upacara ini. Upacara ini dilakukan selama lima belas hari. Pada Hari terakhirnya juga diantara mereka yang mengadakan upacara selamat jalan pada hantu-hantu tadi.

Pada masa sekarang upacara ini masih giat dijalankan oleh orang-orang Baba Melaka meskipun ada perubahan-perubahan yang dibuat untuk penyesuaian bagi mereka-mereka yang tinggal dibandar.

vii. Perayaan Pesta Bulan

Perayaan ini dilakukan agak istimewa dari perayaan-perayaan lain. Ia dijalankan pada waktu malam hari kelima belas bulan lapam kolender Cina. Pada malam ini lampu-lampu dipasang menerangi halaman dan rumah.

Orang-orang perempuan pula membina tempat penyembahan diluar rumah dimana diatasnya diletakkan kueh bulan, lilin merah, colok dan beberapa pinggan buah-buahan.⁽⁶⁰⁾

viii. Peristiwa Teng Ciak

59) Ibid - m.s 110

60) Ibid -m.s 110-111

Perayaan ini jatuh pada bulan sebelas atau dua puluh dua Disember. Pada masa ini dinegeri Cina sudah masuk musim sejuk, jadi mereka merayakannya dengan membuat 'kueh i' iaitu sejenis kueh saolah-olah kueh bush Melaka yang diperbuat dari tepung pulut.

ix. Perayaan Buay Geay

Merupakan perayaan terakhir bagi orang-orang Baba Melaka dalam satu-satu tahun. Ia juga dikenali sebagai hari penghabisan kuli-kuli makan. Pada hari ini biasanya majikan akan memberi makan-an atau jamkan pada kuli-kulinya.

Perayaan Malam Sembahyang Tikung, Tang Chiak dan Buay Geay ini biasanya tidak disebut oleh orang-orang Cina bukan Baba sebagai mana perayaan-perayaan lain. Orang-orang Baba juga mempunyai kepercayaan dan makna tersendiri terhadap perbualan yang dilakukan.

Pada hari-hari kebesaran atau perayaan penting, mereka meletakkan tebu supaya panjang umur. Pisang pula menandakan banyak anak sememangnya kueh bakul bermaksud rezeki tidak lari dan kaya wang ringgit. Dimuka pintu pula diletakkan tebu beserta dengan daunnya sekali bertujuan supaya panjang umur dan murah rezeki.

c. Sikap komuniti Baba Melaka terhadap agama dan kepercayaan

Keseluruhannya orang-orang dari komuniti Baba Melaka kuat berpegang pada agama. Keadaan ini jelas dari perayaan-perayaan yang disebut oleh mereka masih lagi dijalankan sepenuhnya terutama dikalangan golongan tua.

Dikalangan golongan muda sikap mereka terhadap agama dan kepercayaan mulai berkurang. Sama juga seperti masyarakat-masyarakat lain mereka tidak mendapat didikan dan ajaran yang formal mengenai agama. Apa yang mereka lakukan hanyalah merupakan ikutan semata-mata tanpa memahami sebenarnya apa yang mereka lakukan. Ini diakui sendiri oleh seorang ketua istiadat dan agama orang-orang Baba yang ditemui.

Golongan muda juga kurang mengambil bahagian dalam setengah-setengah perayaan seperti sembahyang nenek moyang dan melawat kubur. Upacara-upacara begini hanya dilakukan oleh golongan tua sahaja.

5.1.4 ADAT ISTIADAT

Dalam melaku dan mengerjakan adat istiadat, komuniti Baba Melaka masih lagi mengamalkan kebudayaan yang dibawa dari Negeri China disamping beberapa perubahan yang diselitkan dari kebudayaan Melayu. Adat-adat kecinnaan yang masih dikekalkan termasuklah adat-istiadat pertunangan, perkahwinan, kematian dan pengambilan anak angkat disamping unsur-unsur rohani seperti susunan keluarga, agama dan kepercayaan yang telah diterangkan tadi.

a. Pertunangan

Upacara peminangan bagi komuniti Baba Melaka dilakukan oleh pihak lelaki. Pada mulanya pihak lelaki akan berundingan dengan keluarga perempuan. Setelah bersetuju mereka akan memilih hari yang baik untuk upacara peminangan. Untuk menentukan hari dan masa yang baik, mereka akan menemui orang-orang tertentu yang mahir menggunakan kalendar mereka.

Peminangan dijalankan di rumah pihak perempuan. Pada hari ini dijalankan upacara menyarong cincin. Pihak lelaki menyerahkan barang-barang hantaran untuk pertunangan tersebut. Setelah itu ditentukan pula hari perkahwinan mereka menggunakan cara yang sama seperti yang diterangkan diatas.

b. Perkahwinan

Dalam upacara perkahwinan orang-orang Baba Melaka ini kita dapat melihat bagaimana mereka mencampurkan dan adat asal mereka. Menurut Leong Thong Ping 'Peranakan's like to say that they have adopted the best of Malay and Chinese customs and now here is this better shown than at their weddings. Incidentally the strait-born Chinese of old considered themselves as a part from the 'Chinese Chinese'. (61)

Orang-orang Baba sentiasa menganggap kebudayaan mereka halus dan cantik, sebab itu kira-kira tiga puluh tahun yang lalu keluarga Baba tidak akan mengahwinkan anak mereka kecuali dengan upacara yang sepe-nuhnya. (62) Sebelum tahun 1940an kebanyakan orang-orang Baba hanya berkahwin dengan orang-orang Baba sahaja. Selepas dari itu mereka telah mula berkahwin dengan orang-orang Cina bukan Baba. (63) Jadi dengan ini jenerasi jenerasi muda komuniti ini tidak lagi merupakan Baba yang tulen. Mereka lebih mirip kearah cara hidup masyarakat Cina bukan Baba.

(61) Leong Thong Ping - Op.Cit - n.s 1.

(62) Ho Yam Ping 'Baba Wedding' dalam The Strait Times Annual for 1969, The Strait Times Press(M) Ltd n.s 59

(63) Kenyataan ini dipetik oleh pengkaji dari beberapa orang ketua keluarga yang dikaji.

Perkahwinan bagi peranakan Baba Melaka terdiri dari beberapa jenis.

Jenis-jenis ini dipilih bergantung kepada kemampuan atau status keluarga yang mengadakan majlis perkahwinan ini. Bagi orang-orang kebanyakan biasanya mengadakan upacara yang agak ringkas. Ia memakan masa kira-kira dua belas hari. Biasanya mereka akan meminjam sebuah rumah jirannya untuk mengadakan jamuan disebelah malamnya. Sehari atau dua sebelum itu orang-orang pihak pengantin lelaki telah membayar "wang kahwin" kepada ibu pengantin perempuan. Agak bertentangan sedikit dari adat orang-orang Cina bukan Baba, hampir kesemua upacara perkahwinan dijalankan di rumah pengantin perempuan seperti yang dilakukan dalam adat Melayu.

Upacara ini diketuai oleh Sangkhem iaitu ketua istiadat bagi pengantin perempuan dan Pak Chin Dak, ketua bagi pihak lelaki, diiringi oleh budak lelaki kecil yang digelar Koo Wah. Upacara ini bermula dengan berendam bagi pengantin perempuan di rumah pihak perempuan sendiri. Ia diikuti dengan upacara duduk gantang iaitu menjalankan ikrar perkahwinan menurut adat mereka. Pengantin diapit oleh Koo Wah, Sangkhem dan pembantunya.

Pihak pengantin lelaki juga mengadakan upacara 'duduk gantang' di rumahnya. Ia diiringi oleh Pak Chin Dak dan Koo Wah. (64)

Menurut adat orang-orang Cina, pengantin lelaki tidak dibenarkan memasuki rumah pengantin perempuan tetapi dalam upacara perkahwinan orang-orang Baba pengantin lelaki pergi ke rumah pengantin perempuan untuk menjemputnya balik ke rumah pengantin lelaki. Sebelum itu upacara 'Cheo Thon' dijalankan

(64) Ho Yom Peng - Op.Cit - M.S. 58.

(65) Leong Theng Ping - Op.Cit - M.S. 1.

oleh pengantin perempuan. Upacara ini merupakan satu tradisi adat Cina menandakan masa peralihan dari seorang gadis kepada wanita dewasa. Dengan ini ia terpaksa meninggalkan rumah untuk menghadapi hidup baru dengan suaminya. (65)

Pada keesokan harinya selepas sarapan pagi mereka akan kembali kerumah pengantin lelaki dan menetap disana.

Pada masa sekarang upacara perkahwinan tradisi orang-orang Baba Melaka jarang-jarang diikuti lagi. Kebanyakan mereka sukakan upacara yang lebih ringkas. Mereka hanya mendaftarkan perkahwinan mereka di Mahkamah dan mengadakan jamuan makan dirumah atau di restoran-restoran.

Walau pun pada awalnya mereka jarang berkahwin dengan orang-orang bukan Baba tetapi pada masa ini sudah menjadi perkara biasa. Walau bagaimana pun mereka masih lagi mengamalkan sistem 'exogamy' atau perkahwinan diluar dari keluarga mereka.

c. Bercerai

Bagi komuniti Baba Melaka perceraian hendaklah dijalankan dirumah ibadat disamping membuat surat cerai. Jika didapati kesalahan dari pihak lelaki, maka pihak perempuan boleh berkahwin lagi. Sekiranya kesalahan ujud dari pihak perempuan, maka ia tidak dibenarkan berkahwin lagi.

Tentang penjagaan anak pula, anak lelaki dipelihara oleh suami sementara anak perempuan dipelihara oleh isterinya. Menurut adat mereka suami

tidak boleh memelihara anak perempuan. Pada dasarnya komuniti Baba Melaka mengamalkan sistem perkahwinan 'monogamy'. Walau bagaimana pun ada juga diantara mereka yang berkahwin lebih dari satu.

d. Pengambilan anak angkat

Untuk mengambil anak angkat, orang-orang Baba mempunyai upacara tersendiri. Biasanya anak angkat diambil dari kecil lagi. Menurut adat mereka keluarga yang mengambil anak angkat terpaksa memberi sedikit hadiah kepada ibu kanak-kanak sebagai balasan.

Kebanyakan orang-orang komuniti Baba Melaka mengambil anak lelaki untuk dijadikan anak angkat. Sama seperti masyarakat Cina bukan Baba, mereka lebih mementingkan anak lelaki dari anak perempuan. Mereka mengharapkan anak lelaki dan dapat membantu kerja-kerja mereka disamping menyara hidup mereka dihari tua kelak.

e. Kematian

Adat dan upacara yang dijalankan untuk menguruskan kematian anggota komuniti Baba Melaka keseluruhannya menurut adat Cina. Biasanya mayat akan dikedumikan setelah tiga hingga tujuh hari. Ini bergantung kepada kedudukan dan ramai ahli keluarganya. Mereka mengadakan upacara memakan 'mee sua' bertujuan supaya panjang umur keluarga yang tinggal. Menurut pantang larang mereka selama mayat masih berada didalam rumah mereka tidak dibenarkan tidur diatas tempat tidur.

Pada hari pengkebumian kaum keluarga diketuai oleh anak lelaki mengiringi mayat kekubur untuk dikedumikan. Selepas itu mereka akan mengadakan beberapa

upacara pada hari yang ketujuh dan selepas satu tahun. Ini bertujuan untuk kesenangan simati yang dipercayai hidup dalam dunia yang baru.

Integrasi seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 35 adalah merujuk kepada perhubungan dan kerjasama anggota-anggota masyarakat. Dalam Bab ini pula pengaji akan mempelajari pada pelbagai-pelbagai pertubuhan dan pangsapuri-pangsapuri masyarakat seperti dalam keluarga dan masyarakat Cina dalam aktiviti-aktiviti mereka sehari-hari. Selain itu, melalui pangsapuri-pangsapuri ini dapat dilihat dari beberapa aspek mengenai institusi kebudayaan, seperti tingkap, tingkap sosial, majlis, dan pangsapuri serta institusi pelajaran. Dari pangsapuri ini dapat dilihat sejauh mana pangsapuri-pangsapuri mereka dapat berintegrasi dengan budaya-budaya tersebut.

Dari segi institusi kebudayaan, ada seperti masyarakat lain dimana keluarga merupakan unit asas dalam kehidupan masyarakat. Melalui Bab ini pengaji akan mempelajari mengenai keluarga dalam masyarakat Cina dan bagaimana individu-individu dalam keluarga berinteraksi dengan luar keluarga. Bab ini akan menunjukkan bagaimana peranan penting keluarga dalam kehidupan masyarakat Cina sehari-hari. Selain itu, bagaimana etnik ini menyatukan keluarga dan masyarakat yang sama. Ini menunjukkan mereka dapat berinteraksi dengan baik antara satu dengan lain. Bab ini akan menunjukkan dalam keluarga. Biasanya ia lebih berkesan dalam masalah apa-apa yang berkaitan dengan rumah. Bab juga menunjukkan bagaimana pangsapuri-pangsapuri yang berkaitan dengan keluarga. Biasanya ini berkaitan dengan etnik ini menunjukkan etnik dalam masyarakat mereka.

Kepulauan etnik dalam keluarga dan Cina dalam Bab ini menunjukkan pertubuhan-pertubuhan dalam keluarga ini masih lebih besar dari pangsapuri lain. Melalui Bab ini dapat dilihat bagaimana etnik ini berinteraksi dengan pangsapuri-pangsapuri mereka dalam masyarakat.

BAB VI

KESIMPULAN

Tempat tinggal juga merupakan peranan yang penting dalam integrasi

Integrasi seperti yang telah diterangkan dalam Bab II adalah merujuk kepada penyertaan dan kerjasama anggota-anggota masyarakat. Dalam Bab ini pula pengkaji akan menumpukan pada peluang-peluang perhubungan dan penyertaan antara anggota-anggota komuniti Baba Melaka dan anggota-anggota masyarakat Cina bukan Baba dalam aktiviti-aktiviti mereka sehari-hari. Dalam bidang sosial peluang-peluang ini dapat dilihat dari beberapa aspek iaitu institusi kekeluargaan, tempat tinggal, kegiatan sosial, majlis kenduri dan perayaan serta institusi pelajaran. Dari perbincangan ini dapatlah dirumuskan sejauh mana peluang-peluang mereka dapat berintegrasi dalam bidang-bidang tersebut.

Dari segi institusi kekeluargaan, sama seperti masyarakat lain dimana keluarga merupakan unit asas dalam pembentukan masyarakat. Melalui ikatan ini seorang individu ditentukan peranan masing-masing dalam lingkungan keluarga maupun diluar keluarga. Bagi komuniti Baba Melaka institusi kekeluargaan memainkan peranan penting yang membawa pada integrasi dikalangan mereka dan masyarakat Cina bukan Baba. Kedua-dua kumpulan ethnik ini mempunyai susunan keluarga dan penentuan peranan yang sama. Ini menyebabkan mereka dapat berinteraksi dengan baik antara satu dengan lain. Bapa misalnya merupakan ketua dalam keluarga. Biasanya ia lebih berkuasa dalam membuat apa-apa keputusan dalam rumah. Bapa juga merupakan ketua dalam upacara-upacara yang berhubung dengan keluarga. Disamping itu kedua-dua kumpulan ethnik ini mengamalkan sistem keturunan nisab bapa.

Kumpulan ethnik Baba Melaka dan Cina bukan Baba merasakan perhubungan antara kedua kelompok ini adalah lebih mesra dari kumpulan lain. Jikalau ada apa-apa urusan diantara mereka maka mereka lebih suka berhubung dengan

ketua keluarga. Dengan ini urusan akan dapat difalankan dengan lebih mudah.

Tempat tinggal juga memainkan peranan yang penting dalam integrasi kumpulan ethnik tadi. Latar belakang tempat kajian menunjukkan penempatan komuniti Baba Melaka adalah berhampiran dengan penempatan masyarakat Melayu dan Cina. Walau bagaimana pun peluang integrasi mereka dengan masyarakat Cina bukan Baba adalah lebih luas memandangkan ia adalah merupakan jiran yang paling hampir. Tambahan pula terdapat beberapa keluarga Cina bukan Baba yang tinggal dalam kawasan yang sama. Dari pemerhatian pengkaji ada juga terdapat mereka dari kedua-dua kumpulan ethnik ini tinggal serumah bersama-sama. Jadi mereka mempunyai peluang yang lebih luas untuk berintegrasi melalui perhubungan pergaulan sehari-hari.

Bagi keluarga Baba dan Cina bukan Baba tempat tinggal tidak berdasar pada hubungan kekeluargaan. Jadi hubungan dan pergaulan mereka tidaklah terbatasi dan terikat pada hubungan keluarga sahaja. Biasanya mereka berhubung rapat dengan jiran-jiran yang berhampiran. Berbeza dari masyarakat Melayu, mereka tinggal berkelompok seperti di Kampung Terenggera berdasarkan pada hubungan kekeluargaan, jadi mereka lebih banyak berinteraksi dengan keluarga mereka dari masyarakat lain.

Satu faktor lain yang merapatkan hubungan dan integrasi antara kedua kumpulan ethnik ini ialah kebanyakan dari mereka membela anjing. Bagi mereka tidak menjadi apa-apa masalah dan halangan. Keadaan ini tidak berlaku pada masyarakat Melayu. Begitu juga dengan adat yang diamalkan oleh mereka iaitu memakai kasut didalam rumah. Keadaan ini menyebabkan orang Baba Melaka lebih senang hati berkunjung ke rumah orang Cina bukan Baba dan sebaliknya berbanding dengan berkunjung ke rumah orang Melayu.

Sebagai rumusannya institusi kekeluargaan dan tempat tinggal kedua kumpulan ethnik Baba dan Cina bukan Baba menggalakkan mereka berinteraksi antara satu dengan lain seterusnya mengujudkan integrasi yang kukuh diantara mereka.

Kegiatan sosial juga merupakan satu bidang yang memberi peluang perhubungan yang luas bagi kedua-dua kumpulan ethnik ini berinteraksi. Ia juga memberi peluang penyertaan bagi mereka dalam kegiatan tersebut. Secara tidak langsung ia mengujudkan integrasi diantara mereka disamping saling memahami antara satu dengan lain. Dibandar Melaka khususnya dikawasan kajian terdapat beberapa pertubuhan Belia-Belia MCA dan Persatuan Badminton Negeri Melaka. Kebanyakan ahlinya adalah terdiri dari komuniti Baba dan Cina bukan Baba. Melalui jawatankuasa persatuan-persatuan ini mereka dapat bekerjasama dalam menjalankan tanggungjawab serta melaksanakan rancangan yang dibuat. Perhubungan yang rapat melalui aktiviti-aktiviti sosial ini menunjukkan perasaan kesatuan antara mereka, ia ialah merupakan lanjutan hubungan harian yang telah sekian lama wujud.

Selain dari peluang-peluang perhubungan, ia juga memberi kesempatan pada mereka yang berbakat dan berkemahuan untuk merancang dan menyusun rancangan untuk kepentingan penduduk-penduduk dikawasan mereka. Oleh kerana peluang berhubung dan bekerjasama yang lebih banyak dikalangan anggota-anggota komuniti Baba dan masyarakat Cina bukan Baba maka kebanyakan mereka lebih rapat berkawan dengan rakan-rakan dari golongan Cina bukan Baba, berbanding dari orang-orang Melayu dan India.

JADUAL 13 - HUBUNGAN KOMUNITI BABA DENGAN MASYARAKAT LAIN

BANGSA	PALING RAPAT	RAPAT	JARANG	JUMLAH
CINA	22	21	-	43 orang
MELAYU	14	29	-	43 orang
INDIA	-	18	25	43 orang

Dari 43 orang responden yang dikaji didapati 22 orang menyatakan orang Cina sebagai kawan yang paling rapat sekali sementara 21 orang menyatakan orang-orang Cina hanya sebagai kawan biasa sahaja. Mengenai hubungan mereka dengan orang Melayu pula 14 orang menyatakan kawan yang paling rapat terdiri dari orang Melayu sementara 29 orang menyatakan orang-orang Melayu merupakan kawan biasa sahaja. Tentang hubungan mereka dengan masyarakat India 18 orang menyatakan orang-orang India hanya merupakan kawan biasa sementara 25 orang menyatakan sangat jarang berkawan dengan orang-orang dari masyarakat ini.

Peluang-peluang lain bagi komuniti Baba dan masyarakat Cina bukan Baba berintegrasi ialah semasa majlis perkahwinan dan perayaan penting. Pada kebiasaannya orang-orang dari komuniti Baba mengadakan majlis perkahwinan ditempat kediaman mereka. Jadi orang-orang Cina bukan Baba yang merupakan jiran yang paling hampir juga dijemput. Tambahan pula terdapat ramai keluarga Baba yang mengahwinkan anak mereka dengan orang-orang dari masyarakat Cina bukan Baba, jadi bagi keluarga Cina bukan Baba yang berkaitan akan datang bersama untuk meraikan majlis. Mereka sama-sama menjamu selera dan meminum minuman keras yang menjadi adat mereka untuk memeriahkan lagi majlis tersebut. Dengan itu perhubungan mereka adalah lebih rapat dari orang-orang Melayu yang dilarang melakukan perkara-perkara tersebut.

Keadaan yang serupa juga berlaku semasa mereka merayakan hari-hari perayaan penting bagi komuniti Baba dan orang-orang Cina bukan Baba. Dalam Bab IV telah diterangkan bahawa komuniti Baba mempunyai kepercayaan dan perayaan penting yang sama dengan orang-orang Cina bukan Baba. Semasa merayakan hari-hari perayaan tersebut mereka dari kawasan yang sama atau berhampiran saling kunjung-mengunjung kerumah antara satu dengan lain. Walau pun orang-orang Melayu juga dijemput untuk merayakannya bersama seperti semasa menyambut Tahun Baru Cina namun tidaklah semeriah yang dirasakan oleh kedua-dua kumpulan etnik tadi. Tambahan pula faktor-faktor agama menegah orang-orang Melayu untuk memakan setengah-setengah dari masakan orang Cina dan Baba.

Dari sini dapat kita lihat bahawa unsur-unsur integrasi sosial wujud dalam bentuk kerjasama dan persefahaman antara kedua kumpulan etnik ini. Hal ini juga berlaku dalam majlis perkahwinan dan perayaan penting yang dirayakan bersama.

Pada jenerasi muda yang sedang belajar, peluang-peluang perhubungan juga terdapat pada institusi pelajaran. Dalam Bab III telah diterangkan bahawa hampir 100% dari anak-anak komuniti Baba Melaka dididik dengan pelajaran Inggeris. Berbanding dengan pelajar-pelajar Melayu disekolah-sekolah ini didapati pelajar Cina merupakan golongan yang paling ramai. Jadi peluang mereka berinteraksi adalah lebih luas. Guru-guru dari kedua-dua kumpulan etnik juga dapat berinteraksi sesama mereka dan ibu bapa pelajar dalam beberapa rancangan yang dijalankan disekolah. Ini diperluaskan lagi dengan adanya persatuan Ibu Bapa dan Guru-Guru yang bertujuan untuk merapatkan hubungan diantara mereka demi kemajuan pelajar-pelajar disekolah tersebut.

Perhubungan yang meluas ini akan berlanjutan sebab dari kecil lagi mereka telah ditanam perasaan berbaik-baik antara satu dengan lain tanpa mengira ethnik.

Mengenai peluang-peluang integrasi dan assimilasi dibidang ekonomi pengkaji akan menumpukan pada bidang pekerjaan dan institusi jual beli. Dari segi pekerjaan, kedua-dua kumpulan ethnik ini mempunyai bidang mereka masing-masing. Seperti yang telah diterangkan dalam Bab III golongan Baba lebih berminat bekerja dengan sektor-sektor awam dan swasta. Sementara masyarakat Cina pula berminat dalam lapangan profesenal dan berniaga. Walau bagaimana pun ini tidak bermakna satu-satu kumpulan ethnik itu memonopoli dalam satu-satu bidang, malah terdapat berbagai aktiviti-aktiviti bersama diantara mereka walau pun terdapat perbezaan dari segi bilangan mereka.

Dalam sektor awam mereka sama-sama bekerja untuk menjalankan tugas-tugas dipejabat, sementara dalam bidang swasta pula kebanyakan syarikat-syarikat dipunyai oleh orang-orang Cina bukan Baba. Hubungan antara majikan dan pekerja adalah baik demi untuk menjaga kepentingan dan kejayaan syarikat tersebut. Masing-masing memerlukan kerjasama dan saling bergantung untuk pengeluaran barang-barang dan perkhidmatan. Perhubungan yang berlanjutan ini memberikan peluang-peluang mereka berintegrasi hingga tidak menunjukkan unsur-unsur konflik diantara mereka.

Sebagai rumusannya peluang antara kedua kumpulan ethnik ini berhubung dan berintegrasi dalam bidang pekerjaan dapat dilihat dalam dua bidang. Pada bidang pertama adalah hubungan antara pekerja dengan pekerja dan pekerja dengan majikan. Keadaan ini boleh berlaku dimana-mana tempat kerja seperti dipejabat, sekolah dan kilang atau syarikat. Selain dari menjalankan tugas bersama-sama mereka juga berkawan rapat antara satu dengan lain. Biasanya

sebahagian besar dari anggota-anggota kumpulan ethnik ini berkawan dengan rakan-rakan yang mempunyai status sosial yang hampir sama. Jadi masing-masing saling memahami dan menghormati antara satu dengan lain. Bahagian kedua pula adalah hubungan semasa menjalankan tugas mereka seperti antara guru dengan murid dan ibu bapa, pekerja-pekerja pengangkutan dengan penumpang dan pegawai dengan orang ramai.

Ringkasnya tempat dan jenis pekerjaan merupakan peluang perhubungan yang tidak kurang pentingnya antara komuniti Baba Melaka dan masyarakat Cina bukan Baba dikawasan ini. Akibat dari integrasi yang berlanjutan ini menimbulkan perasaan untuk hidup dalam satu taraf yang sama. Remai diantara golongan mada Baba Melaka yang menceburkan diri dalam bidang profesinal iaitu dengan mengambil kursus yang berkaitan. Ini merupakan asimilasi dalam bidang ekonomi orang-orang komuniti Baba Melaka terhadap orang-orang Cina bukan Baba.

Institusi jual beli berlaku dimana-mana saja dalam mana-mana masyarakat. Dalam masyarakat yang dikaji institusi ini secara tidak langsung merupakan satu jalan bagi komuniti Baba Melaka dan masyarakat Cina bukan Baba berintegrasi dan berhubung. Masyarakat Cina bukan Baba merupakan golongan penjual sementara orang-orang dari komuniti Baba Melaka pula merupakan golongan pembeli dan pengguna. Dikawasan ini terdapat pasar yang dimonopoli oleh orang-orang Cina bukan Baba, oleh kerana kawasan ini kecil mereka saling kenal mengenali antara satu dengan lain. Jadi selain dari proses berjual beliaia juga memberi peluang berinteraksi dengan lebih kerap dan berpanjangan pada tiap-tiap hari.

Orang-orang Cina bukan Baba juga merupakan pembekal barang-barang utama dan barang-barang mewah bagi komuniti Baba Melaka. Sementara peniaga-peniaga kecil yang terdiri dari komuniti Baba sendiri juga bergantung pada pembekal-pembekal dan pemborong-pemborong Cina bukan Baba. Perhubungan antara kedua

pihak sama ada pembeli atau penjual adalah sentiasa dijaga dengan baik untuk kepentingan mereka masing-masing.

Kesimpulannya institusi jual beli dan tempat membeli belah bukan saja penting dari segi ekonomi malah dari segi sosial iaitu untuk peluang-peluang integrasi diantara kedua kumpulan ethnik tersebut.

Bidang politik pula merupakan aspek yang penting bagi orang-orang komuniti Baba bekerjasama dan berintegrasi dengan masyarakat Cina bukan Baba. Pembentukan Malayan Chinese Association (MCA) pada mulanya bukan sebagai parti politik. Tujuan utamanya ialah untuk membantu orang-orang Cina yang ditempatkan dikampung-kampung baru dalam kerjasama dengan Kerajaan yang berkuasa. Untuk meluaskan tujuan-tujuan bagi keharmonian dan kepentingan kumpulan ethnik Cina akhirnya MCA menjadi parti politik. Pada Februari 1952 parti ini bergabung dengan parti UMNO (United Malay National Organisation) kemudiannya bergabung dengan Malayan Indian Congress (MIC) dengan pertubuhan parti Perikatan. (66)

Pemimpin-pemimpin parti MCA terdiri dari golongan yang berpendidikan Inggeris. Ramai diantara mereka dari komuniti Baba Melaka yang berfahaman konservatif bersimpati dengan undang-undang Inggeris dan sehaluan dengan pemimpin atau elit Melayu dalam UMNO. (67) Pemimpin-pemimpin Baba ini telah menyamakan diri dengan orang-orang Cina bukan Baba untuk mendapatkan pengaruh dari mereka. Mereka berbuat demikian kerana sedar tentang kelemahan dan bahaya jika mereka hidup sebagai golongan Cina yang tersendiri. (68) Tambahan pula

(66) Mary F. Somers Heidhues - South East Asia's Chinese Minorities - Longman, Australia Pty Limited, 1974 - M.S. 61 - 62.

(67) Wang Gung Wu Op.Cit - M.S. 18 - 19.

(68) Chew Hock Thy - Op.Cit - M.S.

sudah sekian lama mereka menetap dinegeri ini bercakap dalam bahasa Melayu dan mengamalkan sebahagian dari kebudayaan Melayu namun mereka tidak lagi dianggap sebagai bumiputra atau Melayu semata-mata kerana tidak beragama Islam. (69)

Peluang integrasi dalam bidang politik berlaku sama ada dalam penyertaan sebagai ahli biasa atau melalui keaktifannya dalam parti tersebut. Dalam semua parti politik tujuan utama pembentukannya ialah untuk menyatukan tenaga ahli-ahlinya supaya dapat bertindak dengan cara yang lebih berkesan. Parti-parti politik mencari seberapa ramai ahli dan penyokong partinya tidak kira dari kumpulan ethnik asalkan ia bersetuju dengan ideologi yang dibawa oleh parti tersebut.

Dikawasan yang dikaji terdapat dua parti yang terbesar iaitu MCA dan DAP (Democratic Action Party). Kedua-dua parti ini dianggotai oleh komuniti Baba dan masyarakat Cina bukan Baba. Jadi peluang bagi mereka berinteraksi dan berintegrasi adalah sangat luas dalam mencari titik perasaan untuk kejayaan parti. Bagi mereka-mereka yang aktif dalam parti atau elit politik seperti Wakil Rakyat atau Wakil Parlimen, hubungan dan kerjasama terjalin diantara mereka dengan penduduk-penduduk yang diwakili. Ia bertanggungjawab bagi kesenangan dan menyuarakan masaalah penduduk dikawasannya. Dari jelas menunjukkan bahawa kerjasama dan perhubungan dijaga dengan baik untuk kepentingan mereka masing-masing. Keadaan ini ternyata semasa dijalankan pilihan raya dimana kebanyakan dari mereka sama-sama berusaha untuk kemenangan parti.

(69) Lihat Konsep Melayu dalam Bab II.

Kerjasama ini juga timbul dari kesedaran kumpulan-kumpulan ethnik ini terhadap kepentingan politik. Komuniti Baba Melaka memang dari dulu lagi merupakan elit bagi orang-orang Cina, sementara masyarakat Cina bukan Baba walau pun telah berjaya dalam bidang ekonomi mereka telah disedarkan oleh pemimpin-pemimpin mereka bahawa mereka masih lemah dibidang politik. Mengenai darjah kerjasama yang diberikan didapati walau pun parti MCA bergabung dalam Barisan Nasional namun kerjasama yang diberikan dalam parti adalah lebih luas jika dibandingkan dengan parti-parti lain khususnya parti-parti yang didokong oleh kumpulan-kumpulan ethnik yang lain.

Komuniti Baba Melaka dan masyarakat Cina bukan Baba mempunyai kebudayaan dan cara hidup masing-masing. Mereka telah disosialisasikan dengan kebudayaan asal mereka sejak dari kecil lagi. Proses penyesuaian terhadap kebudayaan lain terpaksa memakan masa yang panjang dan peluang-peluang yang baik. Oleh kerana kumpulan-kumpulan ethnik ini mempunyai peluang-peluang integrasi yang luas dalam bidang ekonomi, sosial dan politik maka tidak mustahil pula berlaku integrasi dan asimilasi segi kebudayaan mereka.

Dalam Bab IV telah diterangkan mengenai kebudayaan komuniti Baba dari segi kebendaan dan bukan kebendaan, merupakan campuran dari kebudayaan Melayu dan Cina bukan Baba. Di Negeri Melaka biasanya diadakan pertunjukan kebudayaan dihari-hari perayaan seperti Pesta Budaya Negeri Melaka. Tiap-tiap kumpulan ethnik akan mengambil bahagian dengan menunjukkan unsur-unsur budaya dan kesenian masing-masing. Pesta ini bukan sahaja membolehkan mereka bergaul dengan lebih rapat malah mereka dapat menyaksikan kebudayaan dari ethnik-ethnik yang lain.

Faktor lanjutan dari proses integrasi ialah proses asimilasi. Ia merupakan proses penghilangan identiti kumpulan kepada identiti kumpulan ethnik majoriti. Proses asimilasi kebudayaan komuniti Baba Melaka terhadap masyarakat Cina bukan Baba melibatkan aspek kebudayaan kebendaan seperti pakaian, masakan dan makanan, susunan dalam rumah dan kebudayaan bukan kebendaan. Perkara yang jelas ialah kebudayaan kebendaan lebih banyak diassimilasikan berbanding dari kebudayaan bukan kebendaan.

Dari segi pakaian didapati kedua-dua kumpulan ethnik mempunyai pakaian tradisi masing-masing. Walau bagaimana pun pakaian ini setengah-setengahnya tidak dipakai pada sepanjang masa oleh semua peringkat umur. Biasanya mereka memakai pakaian-pakaian ini semasa upacara-upacara resmi dan hari-hari perayaan penting. Umumnya kaum wanita lebih cepat menerima proses asimilasi dari segi pakaian berbanding dengan kaum lelaki. Meski pun wanita-wanita Baba Melaka yang sudah lanjut umur memakai kebaya dan sarung, jenerasi mudanya lebih suka memakai pakaian-pakaian moden. Selain dari itu mereka juga memakai cheong sam iaitu pakaian kebangsaan wanita Cina bukan Baba.

Mengenai asimilasi segi masakan dan makanan pula, komuniti Baba Melaka banyak diassimilasikan oleh masyarakat Melayu dan Cina bukan Baba (lihat Bab IV). Satu perkara penting ialah komuniti Baba dan masyarakat Cina sama-sama beragama Budha. Mereka boleh memakan masakan dan makanan dari kedua-dua kumpulan ethnik ini baik dikedai-kedai makananan atau pun di rumah. Jadi makanan dan masakan orang-orang Cina kini menjadi satu kebiasaan bagi mereka seperti mee dan sup.

Mengenai susunan dalam rumah pula unsur-unsur kecinaan jelas kelihatan dari ukiran-ukiran dan alat-alat tradisi serta tempat pemujaan mereka. Keadaan masyarakat Cina bukan Baba namun setengah-setengahnya merupakan variasi dari ini tidak ada bezanya dari rumah orang-orang Cina bukan Baba. Pada hari-hari kebesaran seperti juga orang-orang Cina bukan Baba mereka menghiaskan rumah

mereka dengan langsir merah dan tanglung. Dari segi lain tidak nampak unsur-unsur asimilasi sebab mereka lebih suka menurut cara moden.

Asimilasi identifikasi tidak sepenuhnya berlaku dalam bidang bahasa.

Assimilasi yang jelas dapat dilihat dari segi bahasa. Dalam Bab IV diterangkan walau pun golongan tua tidak tahu berbahasa Tionghua, tetapi generasi mudanya kebanyakannya mahir berbahasa Tionghua terutama bahasa Hokkien dan Mandarin. Ini memudahkan lagi perhubungan diantara mereka dengan masyarakat Cina bukan Baba.

Dari segi kepercayaan dan adat istiadat komuniti Baba Melaka pula banyak menurut kebudayaan Cina bukan Baba. Mereka mengikut ajaran Budha, jadi untuk beribadat mereka sama-sama pergi ke rumah ibadat di Jalan Tok Kong berhampiran dengan Jalan Gelanggang. Disini mereka dapat berhubung dan bergaul dengan lebih rapat antara satu dengan lain. Satu perkara yang menjadi amalan mereka ialah menilik hari-hari yang baik menggunakan kalender Cina. Keadaan ini juga diamalkan oleh masyarakat Cina bukan Baba.

Tentang adat istiadat pula mereka juga lebih banyak menurut adat Cina seperti perkahwinan, bercerai, mengambil anak angkat dan kematian. Keadaan ini telah diterangkan dalam Bab IV. Kebanyakan dari adat istiadat ini merupakan warisan dari kebudayaan asal mereka.

Tidak semua dari jenis-jenis asimilasi yang dikemukakan dalam Bab II berlaku pada komuniti Baba Melaka dengan masyarakat Cina bukan Baba. Asimilasi kebudayaan dan perlakuan tidak dapat berlaku sepenuhnya sebab ia masih lagi dapat mempertahankan sebahagian dari kebudayaan asalnya dan mengambil sebahagian dari kebudayaan masyarakat Melayu. Walau pun ada persamaan dengan kebudayaan masyarakat Cina bukan Baba namun setengah-setengahnya merupakan warisan dari kebudayaan asalnya. Asimilasi struktur merupakan proses yang paling meluas

jika dibandingkan dengan jenis-jenis yang lain.

Assimilasi identifikasi tidak sepenuhnya berlaku dalam bidang bahasa, pakaian dan makanan. Satu jenis asimilasi yang berlaku dengan meluas ialah melalui proses perkahwinan. Ini disebabkan mereka tidak mempunyai apa-apa halangan dari segi ugama dan sikap. Asimilasi penerimaan sikap pula pada dasarnya berlaku dengan meluas sebab tidak ada pun prasangka yang ketara ditunjukkan oleh mereka terhadap orang-orang Cina bukan Baba. Dalam asimilasi penerimaan perlakuan berlaku dengan baik kerana kedua-dua kumpulan ethnik ini mempunyai kepercayaan dan nilai yang sama. Sementara asimilasi sibik pula, walau pun tidak terdapat konflik dan perebutan kuasa yang nyata namun perubahan kebudayaan tidak berlaku dengan sepenuhnya. Tambahan pula ia hanya melibatkan satu pihak sahaja tidak pada kumpulan ethnik yang satu lagi.

LAMPIRAN I

Kinship Terminology

Akor - Abang

Chek- M	-	Abang pada emak mertua
Chek-M-Po	-	Pak cik pada emak mertua
Gnu	-	Moyang
Ensor	-	Kakak ipar
Hia	-	Abang tua
Kor	-	Adik ipar
'mpek	-	Ayah
Ng-Chek	-	Pak cik
Ng-Chin	-	Mak cik
Ng-Kin	-	Isteri abang tua
Ng- Koa	-	Bapa mertua
Ng-Kong	-	Datuk
Ng-Kor	-	Bapa saudara
Ng- Sor	-	Kakak ipar
Nio	-	Emak mertua
'Ntin	-	Bapa
'Ntio	-	Emak saudara

A) Keluarga

- 1) Nama keluarga
- 2) Bilangan keluarga didalam rumah.....
- 3) Alamat.....

B) Ekonomi

- 1) Ramai keluarga yang bekerja.

	Pekerjaan dulu	Pekerjaan sekarang	Pangkat	Pendapatan
1. Baba				
2. Ibu				
3. Abang				
4. Kakak				
5. Adik				
6. Lain-lain				

2) Ada mempunyai Syarikat atau berkongsi dengan mana-mana syarikat.....

C) Pendidikan

	Bilangan	Aliran
Sekolah rendah		
Sekolah menengah		
Maktab		
Universiti		

D) Bahasa

- 1) Bahasa yang digunakan dirumah.....
- 2) Bahasa lain yang diketahui.....
Bila digunakan.....
- 3) Bahasa yang selalu digunakan bila bercakap dengan orang luar dari komuniti Baba.....
- 4) Bolihkah anda bertutur dalam bahasa Tienghua dailek sendiri.....
Bagaimana anda tahu menuturnya.....

E) Pakaian

- 1) Pakaian perempuan dewasa.

Didalam rumah.....

E) Pakaian

- 1) Pakaian perempuan dewasa.
 - Didalam rumah.....
 - Diluar rumah.....
- 2) Pakaian perempuan muda.
 - Didalam rumah.....
 - Diluar rumah.....
- 3) Pakaian kanak-kanak perempuan.....
- 4) Pakaian lelaki tua.
 - Didalam rumah.....
 - Diluar rumah.....
- 5) Pakaian lelaki muda.
 - Didalam rumah.....
 - Diluar rumah.....
- 6) Adakah jenis pakaian teradisi komuniti Baba.....
 Terangkan bentuk dan masa digunakan.....

F) Masakan dan makanan

- 1) Cara masakan adakah sama dengan orang Melayu atau orang Cina bukan Baba atau sebagainya.....
- 2) Cara menghidang makanan.....
- 3) Cara makan adakah menggunakan tangan, sepit atau sudu dan garpu.....
- 4) Dikedai makanan mana yang anda suka ketika makan diluar rumah.....

G) Hiasan rumah

- 1) Alat-alat perkakas teradisi.....
 Bila ia digunakan.....
- 2) Adakah ia juga dipunyai oleh golongan Cina bukan Baba.....

H) Kepercayaan

- 1) Ugama keluarga anda.....
- 2) Percaya atau tidak dengan keramat.....
- 3) Pernah bernazar atau tidak.....
- 4) Cara sembahyang, sama atau tidak dengan orang-orang Cina bukan Baba.....

I) Sosial

1) Persatuan mana yang anda menjadi ahli.....

2) Jawatan yang dipegang.....

3) Bagaimana pergaulan anda dengan dengan masyarakat ini:-

a) Melayu.....

b) Cina bukan Baba.....

c) India.....

(yang mana satukah yang paling rapat)

4) Pembahagian kumpulan sosial.

a) Adakah pembahagian kelas dalam komuniti anda.....

b) Perkara-perkara yang menentukan seseorang didalam satu-satu kelas.

i. pendapatan.....

ii. pekerjaan.....

iii. pendidikan.....

iv. lain-lain.....

5) Barang-barang mewah yang ada dalam keluarga anda.

i. kereta.....

ii. motorsikal.....

iii. talivision.....

iv. peti sejuk.....

6) Kedudukan komuniti anda didalam masyarakat malasia.....

J) Politik

1) Ketua dalam rumah.....

2) Ketua dalam kampung.....

3) Adakah diantara keluarga anda yang mengambil bahagian didalam politik.....

Terima Kasih.

BIBLIOGRAPHY

- 4) Charles Wagley and Mervin Harris - Minorities in the New World.
Colombia, London (Ed), Colombia University
Press. 1964
- 2) Cheng Lock, Tan Malayan Problems From Chinese Point of
View. Singapore, 1954
- 3) Comber Lion Chinese Ancestor Worship In Malaya.
Singapore, 1954
- 4) Durkheim, E De La Division Du Travail.
Rymond Aron (Ed) Main Currents In Sociologic
gical Thought 2. London, Pelican 1972 .
- 5) Ernest W. Burgess and Donald J. Bougue - Contribution to Urban
Sociology. University of Chicago Press,
1964.
- 6) Gist and Dworkin Intermediar Group or Any Racial Group.
Singapore, 1963
- 7) Gordon, Milton Assimilation in American Life.
New York, Oxford University Press.
1964
- 8) Hugles The People of Malaya.
Singapore, Publish by D. More for Eastern
Universities Press. 1965
- 9) James D. Clarkson The Cultural Ecology of A Chinese Village-
Cameron Highland, Malaysia.
Public Lithosewis, Inc, Chicago Illinois USA
1968

- 11) Mary F. Somers Heidhues Southeast Asias Chinese Minorities.
Longman, Australia Pty Limited.
1974
- 12) Minako Kurokawa Minorities Responces.
Random House, New York.
1970
- 13) Park R.E Race and Culture.
The Free Press, New York , Collier
Mac Millan Limited, London.
1950
- 14) Purcell, Victor The Chinese in Modern Malaya.
(New Empran) Kuala Lumpur,
Oxford University Press. 1970.
1967
- 15) The Chinese in Modern Malaya The Chinese in Modern Malaya.
Eastern Universities Press,
Singapore. Ltd 1960
- 16) Ratnam K.J Communalism and the Political Process
in Malaya. Eastern Universities Press
Ltd. 1960
- 17) Ryan N.J The Cultural Back Groung of People of
Malaysia. Longman.
1962
- 18) Schermerhon, R.A Comparative Ethnic Relation, A Frame
Work of Theory and Research.
Random House .New York.
1970

- 19) Song Ong Siang One Hundred Years of The Chinese in Singapore
London. 1923
- 20) Tilman R.O Man, State and Society in Contemporary South
Asia. Prager Publisher, New York.
1969.
- 21) Wang Gung Wu A Short History of The Nanyang Chinese.
Singapore, Eastern Universities Press Ltd.
1959.
- 22) Willmott, Donald E. The Chinese of Semarang. A Changing Com-
munity Minority in Indonesia .Cornell Univer-
sity Press.

JERNAL DAN MAJALAH

- 1) Encyclopedia of Social Sciences. Vol I, New York .1970.
- 2) Mastika April 1971. Utusan Melayu (M) Berhad.
- 3) South East Asia Journal of Social Sciences, Vol I, No I .1973.
- 4) Spectrum Sunday Times Magazin ,September 1 1974.
The Strait Times Press (M) Ltd. Kuala Lumpur.
- 5) The Strait Times Annual for 1969. The Strait Times Press (M) Ltd
Kuala Lumpur.
- 6) China Quarterly. July-September .1970.
- 7) Journal of Asian Study XVI .Vol 2 February 1957.
- 8) American Journal Sociology - 1928
- 9) American Sociological Review - February 1941.